# قليتا بروني
# PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SABDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya : Dari Anas bin Malik, dia berkata : Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Menuntut ilmu adalah satu kefarduan (wajib) ke atas setiap Muslim". (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.44 | SUBUH 4.54 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.33 | ZUHUR 12.16 | ASAR 3.20 | MAGHRIB 6.20 | ISYAK 7.29

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 111 | 16 SEPTEMBER 2026 / 1448 ربيع الأخير 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# NBD PERKUKUH DAYA TAHAN SIBER HADAPI ANCAMAN SEMAKIN CANGGIH



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika berucap pada Majlis Pembukaan bagi Persidangan Keselamatan Siber Brunei 2026 (CySec 2026).**

**GADONG**, Selasa, 15 September. - Daya tahan siber perlu dibina sejak peringkat reka bentuk dan bukan hanya selepas sesuatu insiden berlaku.

Keselamatan siber bukan lagi sekadar pertimbangan teknikal, sebaliknya menjadi asas kepada operasi kerajaan, fungsi ekonomi dan penyampaian perkhidmatan penting kepada rakyat.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, dan Menteri Yang Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber, menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan bagi Persidangan Keselamatan Siber Brunei 2026 (CySec2026) yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkata, kita telah melangkaui tahap membangunkan kerangka semata-mata. Kini, kita berada pada tahap untuk melaksanakannya, memperkukuhnya dan menjadikannya sebahagian daripada amalan, serta yang paling penting, bertanggungjawab terhadap pelaksanaannya.

Menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam (NBD) kini berada pada tahap penting dalam perjalanan keselamatan sibernya selepas membangunkan asas seni bina keselamatan siber negara secara berperingkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Kata Yang Berhormat, Perintah Keselamatan Siber yang diluluskan pada 2023 dan kemudiannya dikuatkuasakan sebagai Akta Keselamatan Siber pada 2024, bersama Strategi Keselamatan Siber NBD 2023-2027, terus menjadi panduan dalam menentukan hala tuju negara.

Penguatkuasaan Perintah Perlindungan Data Peribadi pula menyediakan panduan yang lebih jelas khususnya dalam aspek teknologi operasi dan keselamatan awan.

Yang Berhormat berkata perkara itu amat penting khususnya bagi Infrastruktur Maklumat Kritikal (CII) yang merangkumi 10 sektor perkhidmatan penting iaitu Tenaga, Infokomunikasi, Penjagaan Kesihatan, Perbankan dan Kewangan, Pertahanan dan Keselamatan, Perkhidmatan Kecemasan, Penerbangan, Pentadbiran Kerajaan, Media serta Air.

Jelas Yang Berhormat, pemilik dan pengendali CII mempunyai tanggungjawab memahami risiko keselamatan siber, melindungi sistem serta melaporkan dan bertindak balas secara berkesan apabila berlaku insiden keselamatan siber.

"Namun, penetapan semata-mata tidak menjamin daya tahan. Ukuran sebenar kemajuan kita haruslah berdasarkan sama ada penetapan tersebut membawa kepada sistem yang lebih kukuh, tahap kesiapsiagaan yang lebih baik serta penambahbaikan yang dapat diukur dalam pelaksanaan sebenar," ujar Yang Berhormat.

>> Muka 3

## Pantaran Kitani memperkukuh usaha memelihara, mengekalkan warisan budaya negara

Oleh : Nooratini Haji Abas

**TUNGKU LINK**, Selasa, 15 September. - Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD), dengan kerjasama Perpustakaan UBD, hari ini melancarkan secara rasmi 'Pantaran Kitani: Sustaining Heritage Through Education' (Memelihara Warisan Melalui Pendidikan), sebuah pameran yang mengetengahkan warisan budaya Brunei yang kaya dalam bidang pendidikan guru dan amalan bilik darjah.

Sehubungan itu, perasmian pameran tersebut disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan, selaku tetamu kehormat.

Pameran yang diadakan dari 15 hingga 16 September 2026, di Lobi Tingkat Bawah Perpustakaan UBD, dibukakan kepada orang ramai mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

>> Muka 7

## Penyerahan bendera kepada kontinjen NBD ke Worldskills Shanghai

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Selasa, 15 September. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Politeknik Brunei pagi tadi mengadakan Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke WorldSkills Shanghai 2026, bertempat di Longhouse Training Restaurant, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan bendera NBD kepada kontinjen negara ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Pengarah Pendidikan Teknik dan Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli semasa menyampaikan ucapannya pada majlis berkenaan antara lain menjelaskan, bagi pertandingan kali ini, kontinjen NBD akan bertanding dalam tiga bidang kemahiran, iaitu 'Cooking' yang diwakili oleh pelajar IBTE, serta 'IT Network Systems Administration' dan 'Mechanical Engineering CAD' yang diwakili oleh pelajar dari Politeknik Brunei.

>> Muka 4

## Bazar Jualan Muhibbah mendukung pembangunan usahawan tempatan

Oleh : Khartini Hamir

**BERAKAS**, Isnin, 14 September. - Dalam usaha menyokong serta memberi ruang dan peluang kepada pengusaha-pengusaha 1K1P dan para penjaja tempatan untuk terus mempromosikan dan menjual produk mereka masing-masing, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga pagi tadi menganjurkan Program Bazar Jualan Muhibbah yang diadakan di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Hadir menyempurnakan pembukaan rasmi bazar berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh dan Ketua Kampung Subok.

>> Muka 5


IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn


## Berita Utama



MEMPERKUKUH kerjasama dua hala bidang pendidikan, warisan budaya

Muka 8



PROJEK sumbangan mikro perkukuh sokongan kepada TABP

Muka 9



LATIHAN jejak warisan perkasa pengetahuan pemandu pelancong

Muka 10




RENCANA

BERSAMA menjaga kesihatan untuk kehidupan berkualiti

Muka 20

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# Keharmonian sistem kehakiman terus diperkasa demi keadilan negara



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu semasa berucap pada Majlis Kesyukuran dan Apresiasi Warga Mahkamah-Mahkamah Syariah sempena Sambutan Ulang Tahun Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah pada Khamis, 23 Julai 2026 yang berlangsung di Dewan Bankuet Jabatan Perdana Menteri.

**Bismillahir Rahmanir Rahim. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen. Segala puji-pujian hanya bagi Allah, Tuhan Pencipta Sekalian Alam. Selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wasallam, Penghulu Segala Nabi dan Rasul. Begitu juga ke atas para ahli kerabat Baginda dan para sahabat sekalian. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**TERLEBIH** dahulu, peramba / kaola / saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Negara di atas jemputan untuk menjadi tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran dan Apresiasi Warga Mahkamah-Mahkamah Syariah. Peramba / kaola / saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Mahkamah-Mahkamah Syariah bersempena Sambutan Ulang Tahun Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah pada 26 Mac 2026 yang lalu. Setentunya peristiwa ini adalah satu mercu pencapaian yang amat bermakna di dalam sejarah sistem kehakiman di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pada petang yang berbahagia ini, peramba / kaola / saya juga dengan sukacitanya menyampaikan Penghargaan Khas dan Apresiasi Khas Jasa dan Bakti Mahkamah Syariah kepada penerima-penerima dari kalangan warga Mahkamah Syariah termasuk mereka yang telah berpindah ataupun bersara dari perkhidmatan. Penghargaan ini adalah satu penghormatan yang istimewa bagi mengiktiraf keperibadian, ketokohan dan jasa-jasa para penerima dalam perkembangan Mahkamah-Mahkamah Syariah sepanjang 25 tahun.

Tempoh 25 tahun bukanlah suatu tempoh yang singkat. Pelbagai pembaikan dan kemajuan telah dicapai, sama ada dari segi pembangunan insan, kemajuan infrastruktur mahupun peningkatan perkhidmatan kepada orang ramai. Pencapaian ini adalah hasil daripada sumbangan pemikiran, tenaga dan bakti insan-insan yang tidak pernah jemu berkhidmat. Sepanjang tempoh ini, Mahkamah Syariah telah diterajui oleh tiga tokoh Ketua Hakim Syarie yang meneruskan objektif, visi dan misi yang sama iaitu Allahyarham Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid, Allahyarham Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan kini Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar. Semoga sosok tokoh-tokoh ini terus menjadi pemangkin semangat kepada keseluruhan warga Mahkamah Syariah.

Sepanjang perjalanan 25 tahun ini, terdapat beberapa pencapaian dan sumbangan penting Mahkamah-Mahkamah Syariah yang wajar untuk diketengahkan. Ini termasuk pemodenan struktur kehakiman syariah menerusi penguatkuasaan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184, yang telah menggantikan sistem Mahkamah Kadhi kepada struktur yang lebih sistematik iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah, pemerkasaan rangka kerja perundangan syariah menerusi pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, yang telah memperluas skop dan bidang kuasa keadilan syariah di negara ini secara berperingkat, pemodenan penyampaian perkhidmatan menerusi pengenalan sistem e-Syariah; penggunaan mekanisme Sulh (mediasi) sebagai wadah penyelesaian pertikaian kekeluargaan secara aman, cepat dan bertepatan dengan semangat musyawarah dalam Islam; serta pembangunan sumber manusia secara berterusan di kalangan Hakim-hakim Syarie, Pendaftar dan Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah, bagi memastikan penyampaian keadilan syariah yang berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa.

Lebih daripada pencapaian institusi semata-mata, peramba / kaola / saya ingin menegaskan bahawa NBD amat bertuah kerana dikurniakan sistem perundangan yang unik lagi istimewa iaitu wujudnya Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil yang berfungsi secara harmoni, saling melengkapi dan saling menghormati bidang kuasa masing-masing dalam menegakkan keadilan bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Keharmonian dan keserasian di antara kedua-dua sistem kehakiman ini merupakan satu cerminan jelas kepada ayat 15, Surah Saba, iaitu 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur', yang bermaksud sebuah negara yang aman lagi makmur, yang mendapat keberkatan dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Setentunya pentadbiran keadilan yang saksama, teratur dan berlandaskan kepada nilai-nilai murni ugama Islam, adalah faktor penyumbang yang penting kepada kemakmuran dan keberkatan yang dikecapi di negara ini.

Sehubungan itu, peramba / kaola / saya ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Mesyuarat Majlis Ugama Islam pada 15 Mac 2011 yang antara lainnya mengetengahkan, "*...dengan kita mempunyai dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman, syarak dan sivil, adalah tiada masalah jika ia dikekalkan berjalan seiring*".

Setentunya titah ini jelas menggariskan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar kedua-dua sistem kehakiman ini terus berjalan seiring demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara.

>> Muka 4

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | RABU | 4 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 16 | 3 . 20 | 6 . 20 | 7 . 29 |
| 17 | KHAMIS | 5 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 16 | 3 . 20 | 6 . 19 | 7 . 28 |
| 18 | JUMAAT | 6 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 16 | 3 . 20 | 6 . 19 | 7 . 28 |
| 19 | SABTU | 7 | 4 . 43 | 4 . 53 | 6 . 10 | 6 . 33 | 12 . 15 | 3 . 21 | 6 . 18 | 7 . 27 |
| 20 | AHAD | 8 | 4 . 43 | 4 . 53 | 6 . 10 | 6 . 32 | 12 . 15 | 3 . 21 | 6 . 18 | 7 . 27 |
| 21 | ISNIN | 9 | 4 . 43 | 4 . 53 | 6 . 10 | 6 . 32 | 12 . 15 | 3 . 21 | 6 . 17 | 7 . 26 |
| 22 | SELASA | 10 | 4 . 43 | 4 . 53 | 6 . 10 | 6 . 32 | 12 . 14 | 3 . 21 | 6 . 17 | 7 . 26 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 31 24 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 31 24 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 31 25 °C | 31 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 16 SEPTEMBER 2026

### Belia : Aset, pewaris masa depan negara

**SETIAP** negara mengimpikan rakyat yang berupaya memacu kemajuan, mengekalkan keamanan dan menyemai kemakmuran. Namun, kekuatan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui kemajuan ekonominya tetapi lebih utama pada kualiti modal insan yang membangunkannya. Di sinilah terletaknya peranan besar golongan belia sebagai aset paling berharga untuk negara.

Belia bukan sekadar harapan, bahkan merupakan aset dan pewaris masa depan negara. Merekalah generasi yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan, meneruskan pembangunan, memikul amanah serta menegakkan agama dan bangsa. Justeru, memperkasa belia bermakna mempersiapkan masa depan negara itu sendiri, menghadapi pelbagai cabaran demi memastikan negara terus teguh berdiri, maju dan dihormati.

Belia hari ini berdepan dengan arus globalisasi yang semakin mencabar, disusuli dengan ledakan teknologi yang berkembang pesat dan transformasi digital yang kian rancak, namun demikian, kemajuan tersebut hanya akan membawa manfaat apabila dipandu oleh keimanan, akhlak dan nilai-nilai Islam.

Hal ini berlaku kerana gelombang media sosial, lambakan kandungan dunia siber yang boleh diakses tanpa sempadan sering kali menonjolkan gaya hidup bebas, tidak menghiraukan nilai-nilai akidah, syariat dan akhlak Islam. Segala aspek kehidupan dieksploitasi sehingga sebahagian anak muda kita tersasar lalu hilang status mereka sebagai insan yang berakal dan beradab.

Sehubungan itu, bagi mendepani cabaran alaf baharu ini, sebagai langkah membentengi jiwa mereka, dua asas penting perlu menjadi pegangan setiap belia iaitu pertama, kekuatan iman. Iman merupakan asas kepada pembentukan keperibadian seorang Muslim.

Manakala kedua iaitu kemuliaan akhlak. Ilmu dan kemahiran tanpa akhlak akan membawa kepincangan, manakala kemajuan tanpa adab akhirnya membawa kehancuran. Oleh itu, belia yang berilmu dan berkemahiran, perlu menghiasi diri dengan akhlak yang mulia.

Selain daripada memperkukuh iman dan akhlak, belia juga perlu diperkasa dari sudut ilmu, kemahiran serta keupayaan untuk menjadi peneraju kemajuan. Mereka tidak boleh berhenti menimba ilmu, malah mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi memperkasa potensi diri. Dengan sikap yang terbuka terhadap perubahan, mereka perlu mampu menyesuaikan diri, berinovasi dan mencipta nilai baharu dalam pelbagai bidang.

Memperkasa belia sebagai aset negara merupakan tanggungjawab yang perlu digembleng oleh semua pihak iaitu ibu bapa, penjaga, sekolah, institusi pendidikan, pemimpin, masyarakat dan negara. Manakala institusi pendidikan pula berperanan melengkapkan mereka dengan ilmu dan kemahiran sekali gus menjadi generasi yang berilmu, beriman, bertakwa dan berakhlak mulia serta tampil sebagai generasi pelapis yang menjadi harapan agama, bangsa dan negara. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KERJASAMA RENTAS SEKTOR PERKUKUH KESELAMATAN SIBER NBD

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**





**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) (atas kanan). Sementara gambar atas, tetamu kehormat semasa melawat pameran pada persidangan tersebut.**

**GADONG**, Selasa, 15 September. - Persidangan Keselamatan Siber Brunei 2026 (CySec2026) dilancarkan secara rasmi, pagi tadi, dengan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh keselamatan dan daya tahan infrastruktur nasional kritikal dalam persekitaran digital yang semakin mencabar.

Persidangan selama dua hari yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun itu membawa tema 'Resilient by Design: Protecting Critical Infrastructure' dan dianjurkan bersama Cyber Security Brunei (CSB) serta Brunei Cybersecurity Association (BCSA), dengan sokongan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

CySec2026 menghimpunkan para pegawai kerajaan, pemimpin industri, diplomat, pengamal keselamatan siber, ahli akademik serta pengendali infrastruktur kritikal dari dalam dan luar negara bagi membincangkan cabaran serta perkembangan terkini dalam bidang keselamatan siber.

Pelancaran persidangan berkenaan dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Menteri Yang Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber, serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil korporat serta diplomat asing.

CySec2026 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pesuruhjaya Interim CSB, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis.

Beliau antara lain menjelaskan, landskap keselamatan siber global kini berdepan ancaman yang semakin kompleks termasuk *ransomware*, serangan serta ancaman terhadap infrastruktur kritikal dan rantaian bekalan.

Beliau turut menekankan kepentingan diplomasi siber dalam memperkukuh keupayaan negara serta kerjasama antarabangsa.

Selain itu tambah beliau, pembangunan tenaga kerja merupakan aspek penting dalam memperkukuh pertahanan siber negara termasuk melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan penyedia latihan bagi membangunkan tenaga profesional keselamatan siber yang berkemahiran tinggi.

Majlis turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) serta penyampaian anugerah, selain ucapan khas yang disampaikan oleh Atase Keselamatan Siber bagi Rantau ASEAN di Suruhanjaya Tinggi Kanada di Republik Singapura, Frédéric Margotton.

Tetamu kehormat kemudian mengadakan lawatan ke reruai pameran.

CySec2026 telah memasuki edisi keempat, dengan persidangan dan pameran pada tahun ini menjadi platform yang menghimpunkan pihak kerajaan, industri, akademik, profesional keselamatan siber serta pengendali infrastruktur kritikal bagi membincangkan cabaran dan perkembangan terkini dalam bidang keselamatan siber.

Kepentingan persidangan tersebut adalah selaras dengan kebergantungan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang semakin meningkat terhadap sistem digital dalam sektor perbankan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan, perkhidmatan kerajaan dan perniagaan, di samping usaha berterusan negara dalam transformasi digital di bawah Digital Brunei 2030.

Mengenai tema pada tahun ini iaitu 'Resilient by Design: Protecting Critical Infrastructure', sektor-sektor kritikal seperti tenaga, utiliti, perbankan dan kewangan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan serta perkhidmatan kerajaan semakin beralih kepada sistem digital. Oleh itu, aspek keselamatan dan daya tahan tidak lagi boleh dianggap sebagai perkara sampingan.

Sebaliknya, kedua-dua aspek tersebut perlu diterapkan sejak peringkat awal perancangan, reka bentuk dan pembangunan sesebuah sistem selaras dengan aspirasi Digital Brunei 2030.

CySec2026 telah berkembang sejak edisi pertamanya pada tahun 2023 dan kini menjadi antara platform keselamatan siber terkemuka di NBD, dengan lebih 1,200 peserta serta 40 penceramah tempatan dan antarabangsa dijangka menyertai persidangan pada tahun ini.

Edisi kali ini turut diperkukuh dengan CSB sebagai penganjur bersama, BIBD sebagai rakan kongsi rasmi, selain sokongan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta penglibatan rakan strategik, organisasi antarabangsa, institusi akademik dan pemain industri dari dalam dan luar negara.

Kerjasama dan sokongan berkenaan mencerminkan bahawa keselamatan siber merupakan usaha bersama merentasi pelbagai sektor dan sempadan, dan bukannya tanggungjawab sesebuah organisasi semata-mata.

Sebagai sebahagian daripada program, antara topik yang dibincangkan termasuk Critical Infrastructure Cybersecurity, OT/ICS/SCADA Security, Cloud Security, AI for Cyber Defence, Cyber Threat Intelligence, Supply Chain Security, Zero Trust Architecture, dan Incident Response and Cyber Resilience.

Program tersebut turut membincangkan isu semasa seperti *ransomware*, *deepfake* dan kejuruteraan sosial, selain menyediakan peluang kepada peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan pakar, pembekal teknologi dan pengamal industri.

Penyertaan antarabangsa merupakan antara kekuatan utama CySec2026, yang memberi peluang kepada para peserta untuk mendapatkan pendedahan kepada trend dan amalan terbaik di peringkat serantau dan global menerusi kerjasama dengan organisasi seperti EU CyberNet, OT-ISAC, Cyber-SHIP Lab dan University of Plymouth.

Para peserta turut berpeluang menjalinkan rangkaian serta meneroka teknologi keselamatan siber daripada syarikat-syarikat di NBD dan rantau Asia yang lebih luas di ruang pameran.

CySec2026 bukan sahaja relevan kepada profesional teknologi maklumat dan keselamatan siber, malah turut memberi manfaat kepada para pemimpin organisasi, pembuat keputusan, agensi kerajaan, pengendali infrastruktur kritikal, ahli akademik dan pelajar.

Persidangan tersebut menawarkan pandangan daripada pakar industri, pemahaman mengenai ancaman dan trend semasa, amalan terbaik serta peluang untuk membina rangkaian profesional.

Bagi pelajar khususnya, persidangan ini memberi pendedahan lebih dekat kepada kerjaya dalam bidang tersebut

CySec2026 berlangsung selama dua hari, iaitu pada 15 hingga 16 September 2026, di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Ia mengetengahkan beberapa sesi persidangan secara serentak yang terdiri daripada pembentangan, diikuti dengan perbincangan panel.

Semasa persidangan tersebut, pertandingan CB:CTF (Capture the Flag) turut diadakan di Aras 8, bersama pameran yang berlangsung sepanjang persidangan.

# NBD perkukuh daya tahan siber hadapi ancaman semakin canggih

>> Muka 1

Dalam pada itu, Yang Berhormat berkata landskap ancaman siber turut berkembang seiring dengan kematangan kerangka kerja kebangsaan, dengan kepantasan, kecanggihan dan kerumitan ancaman semakin meningkat, manakala Kecerdasan Buatan (AI) mempercepatkan perubahan tersebut.

Tambah Yang Berhormat, AI kini berkembang daripada sekadar alat yang digunakan manusia kepada sistem berasaskan ejen dan semakin autonomi yang mampu beroperasi serta menyesuaikan diri pada kelajuan mesin.

Perkembangan itu, jelas Yang Berhormat, turut menurunkan halangan untuk melancarkan serangan siber yang canggih, selain meningkatkan kelajuan dan skala serangan.

Lima ancaman siber yang perlu diberi perhatian khusus ialah pancingan data, penipuan dan penyamaran yang dibantu AI; perisian tebusan dan pemerasan siber; kebocoran data dan kecurian kelayakan; pencerobohan melalui rantaian bekalan dan pihak ketiga; serta serangan terhadap Teknologi Operasi (OT) dan CII.

Yang Berhormat berkata, perkara berkenaan memberi implikasi besar terhadap sistem yang menyokong bekalan elektrik, air, tenaga dan rangkaian penerbangan, yang sebelum ini banyak direka bentuk dengan mengutamakan kebolehpercayaan dan kesinambungan operasi.

Seiring usaha industri memodenkan, mendigitalkan dan mengautomasikan operasi, semakin banyak sistem berkenaan saling berhubung yang mewujudkan peluang serta potensi kerentanan baharu.

"Bagi NBD, ini bukan sekadar satu senario hipotetikal. Serangan yang berjaya terhadap infrastruktur kritikal kita akan memberi kesan secara langsung kepada perkhidmatan harian yang menjadi kebergantungan rakyat, perniagaan dan ekonomi negara," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan menangani hakisan kepercayaan digital susulan peningkatan kecanggihan penipuan, *fraud*, penyamaran dan penyebaran maklumat palsu yang dibantu AI.

Menurut Yang Berhormat, ancaman berkenaan bukan lagi sekadar gangguan dalam talian kerana ia boleh menyebabkan kerugian kewangan, menjejaskan keyakinan terhadap perkhidmatan digital dan pada skala lebih besar menjadi isu yang membimbangkan negara.

Dalam usaha memperkukuh daya tahan, Cyber Security Brunei (CSB) kini sedang memperkukuh panduan yang disediakan untuk kerajaan, pemilik CII dan industri melalui pengemaskinian Kod Amalan bagi CII serta pengenalan Garis Panduan Dasar Keselamatan AI dan Garis Panduan Dasar Secure by Design.

Yang Berhormat menambah, Garis Panduan Dasar Secure by Design memastikan aspek keselamatan diberi perhatian sepanjang keseluruhan kitar hayat sistem, bermula daripada reka bentuk dan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan sehingga pengoperasian.

Yang Berhormat berkata, inovasi AI perlu digalakkan, namun akses yang lebih luas kepada pembangunan teknologi mesti disertai tanggungjawab yang lebih besar.

Pada masa sama, Yang Berhormat turut menggalakkan CSB untuk terus membangunkan panduan yang lebih khusus mengikut sektor serta meneruskan usaha menyelaraskan keperluan pelaporan insiden supaya tindakan menjadi lebih jelas, konsisten dan terselaras merentasi semua sektor.

Yang Berhormat turut menegaskan bahawa daya tahan siber negara bukan hanya tanggungjawab kerajaan dan CII, malah melibatkan perniagaan khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menjadi tunjang ekonomi digital negara.

Sehubungan itu, Yang Berhormat mengalu-alukan pengenalan TERAS Siber oleh CSB iaitu skim pensijilan asas keselamatan siber kebangsaan bagi organisasi daripada pelbagai saiz.

Lima tonggak TERAS Siber ialah Trusted Access, Endpoint Defence, Resilient Data, Active Response dan Secure Culture yang menterjemahkan keselamatan siber kepada langkah praktikal dan mudah difahami untuk dilaksanakan organisasi.

Dalam aspek pembangunan ekosistem digital, Yang Berhormat berkata, kepercayaan turut penting dalam merealisasikan aspirasi Digital Brunei 2030, termasuk melalui pelaksanaan Brunei ID dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kata Yang Berhormat, identiti digital berautoriti itu menjadi asas kepada akses perkhidmatan yang lebih selamat dan mudah bagi rakyat serta perniagaan.

Selain teknologi dan dasar, Yang Berhormat berkata, pembangunan bakat keselamatan siber juga penting bagi memastikan negara mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk memenuhi keperluan nasional termasuk 10 sektor perkhidmatan penting.

Yang Berhormat berkata, CSB sedang membangunkan Kerangka Kompetensi Keselamatan Siber Kebangsaan Brunei (BNCCF) berasaskan Kerangka NIST NICE yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan dijangka siap pada suku pertama 2027.

Menurut Yang Berhormat, kerangka berkenaan akan mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperlukan merentasi peranan keselamatan siber serta mewujudkan laluan kerjaya yang lebih jelas untuk golongan profesional.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa, termasuk dengan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) dan EU CyberNet, bagi memperkukuh kepakaran teknikal serta keupayaan negara dalam keselamatan siber dan membanteras jenayah siber.

Dalam pada itu, Yang Berhormat berkata, daya tahan siber negara tidak boleh dicapai oleh CSB sahaja, sebaliknya memerlukan penglibatan kerajaan, pengendali CII, perniagaan, penyedia teknologi, pihak akademik dan rakyat.

Yang Berhormat menekankan, kejayaan transformasi digital negara bukan hanya diukur berdasarkan sejauh mana teknologi diterima pakai, tetapi juga berdasarkan tahap keyakinan terhadap teknologi, keselamatan penggunaannya serta keupayaan untuk bertindak balas dan pulih dengan pantas apabila berhadapan dengan ancaman.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat turut menggalakkan peserta menggunakan platform persidangan untuk bertukar pengetahuan dan pengalaman serta mengenal pasti peluang kerjasama yang dapat memperkukuh daya tahan NBD dan rantau ini.

# PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN NBD KE WORLDSKILLS SHANGHAI



**YANG Mulia Pemangku Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan bendera NBD kepada penerima (atas kanan dan atas).**



**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

>> Muka 1

"Pada hari ini, apabila bendera kebangsaan diserahkan kepada kontinjen kita NBD, ia bukan sekadar penyerahan sebuah bendera.

"Ia adalah penyerahan amanah untuk membawa nama negara. Bertandinglah dengan penuh keyakinan, disiplin dan semangat kesukanan. Berikan yang terbaik, hormati rakan-rakan peserta dan belajarlah daripada setiap pengalaman yang akan lalui nanti," ujarnya.

Beliau seterusnya mengingatkan bahawa kejayaan bukan hanya diukur melalui pingat atau kedudukan.

Kejayaan juga terletak pada keberanian untuk mencabar diri, kesungguhan untuk mencapai standard yang lebih tinggi dan pengalaman yang dibawa pulang untuk dikongsi demi kemajuan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara, tambahnya lagi.

WorldSkills Shanghai 2026, yang akan berlangsung dari 22 hingga 27 September 2026 di Shanghai, Republik Rakyat China, merupakan Pertandingan WorldSkills yang ke-48 dan akan menghimpunkan lebih daripada 1,400 peserta muda dari lebih 70 buah negara dan wilayah untuk bertanding dalam 64 bidang kemahiran yang merangkumi bidang teknikal dan vokasional tradisional serta bidang-bidang baharu yang dipacu oleh pendigitalan dan teknologi terkini.

Pertandingan WorldSkills menyediakan platform antarabangsa bagi golongan belia berkemahiran untuk mempamerkan keupayaan teknikal, kreativiti, ketepatan, kemahiran menyelesaikan masalah serta profesionalisme berdasarkan piawaian antarabangsa.

Selain sebagai pertandingan kemahiran, WorldSkills turut menjadi wadah penting bagi pembangunan kemahiran, inovasi, pertukaran pengetahuan dan kerjasama antarabangsa yang melibatkan golongan belia, pakar kemahiran, wakil industri, pendidik serta pembuat dasar.

Bagi NBD, penyertaan di WorldSkills Shanghai 2026 memberikan peluang kepada anak-anak tempatan untuk membanding aras kemahiran mereka di peringkat antarabangsa, meningkatkan keyakinan dan profesionalisme, memperoleh pendedahan antarabangsa serta mempelajari amalan terbaik dan teknologi terkini dalam bidang kemahiran. Pengalaman tersebut juga dapat menyemai minat terhadap kerjaya berkemahiran dan meningkatkan pengiktirafan terhadap laluan TVET.

Penyertaan di WorldSkills juga menyumbang kepada usaha berterusan dalam memperkukuh sistem TVET negara melalui penandaarasan piawaian kemahiran, pendedahan kepada teknologi baharu dan kehendak industri, serta perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik bersama institusi TVET dan pakar antarabangsa.

Pendedahan ini seterusnya dapat menyokong usaha dalam memperkasa kurikulum, latihan dan pembangunan kemahiran agar selaras dengan keperluan industri yang sentiasa berubah.

Majlis Penyerahan Bendera ini merupakan satu lagi tanda komitmen NBD dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, berdaya saing dan bertaraf antarabangsa, di samping mengangkat imej dan nilai TVET sebagai salah satu laluan penting dalam pembangunan kerjaya dan masa depan golongan belia.

Kontinjen NBD kini bersedia untuk menggalas amanah dan membawa nama negara ke pentas antarabangsa, dengan harapan agar penyertaan ini akan menjadi pengalaman bermakna dalam membina generasi belia yang berkemahiran, berkeyakinan dan cemerlang.

## HALUAN

>> Muka 2

Peramba / kaola / saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima anugerah pada hari ini dan juga kepada keseluruhan warga Mahkamah-Mahkamah Syariah di atas kecemerlangan yang berterusan dalam memainkan peranan menegakkan undang-undang secara amnya dan undang-undang syariah secara khasnya. Komitmen daripada seluruh warga Mahkamah Syariah terhadap keadilan, integriti dan Perkhidmatan Awam telah memperkukuhkan kepercayaan orang awam serta meningkatkan martabat undang-undang syariah di dalam negara.

Dalam kesempatan ini juga peramba / kaola / saya menyeru seluruh warga Mahkamah Syariah untuk meneruskan usaha-usaha dalam menambah baik serta meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai dan seterusnya mempererat lagi kerjasama serta penyelarasan bersama Mahkamah-Mahkamah Sivil selaras dengan keharmonian sistem kehakiman negara yang telah dinyatakan sebentar tadi. Usaha-usaha seperti ini sekali gus akan dapat menyumbang kepada pencapaian salah satu matlamat utama di bawah Wawasan Brunei 2035 iaitu kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

Ke arah itu, peramba / kaola / saya berpandangan bahawa Mahkamah-Mahkamah Syariah dapat memperluaskan skop perkhidmatan dalam talian menerusi platform e-Syariah bagi kemudahan orang ramai; mengukuhkan lagi keupayaan dan liputan mekanisme Sulh bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes mal dan kekeluargaan secara aman; menambah bilangan dan memperkukuh latihan Peguam Syarie bertauliah, bagi memastikan orang ramai mempunyai akses guaman yang mencukupi dan berkualiti; memperkukuh program kesedaran dan literasi undang-undang syariah kepada orang ramai, supaya masyarakat lebih memahami hak dan prosedur di Mahkamah Syariah; mempererat lagi kerjasama dan penyelarasan di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah-Mahkamah Sivil bagi memastikan penyampaian keadilan yang lebih menyeluruh, konsisten dan bersepadu kepada rakyat; serta mengadakan lebih banyak program latihan bersama, dialog dan pertukaran pengalaman di antara pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, bagi mengukuhkan persefahaman, keserasian serta hubungan kerja yang erat di antara kedua-dua sistem kehakiman di negara ini.

Akhir kata, peramba / kaola / saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga Mahkamah-Mahkamah Syariah sempena Sambutan Jubli Perak ini, dengan penuh harapan agar Mahkamah Syariah terus gemilang, cemerlang dan istiqamah dalam menegakkan keadilan, seiring dengan Mahkamah-Mahkamah Sivil, demi merealisasikan cita-cita sebagai sebuah negara 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur' yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Keperibadian, akhlak mulia Rasulullah jadi teladan dalam kehidupan



**PESURUHJAYA Polis, PPDB selaku tetamu kehormat majlis (kiri). Manakala gambar bawah kiri, turut hadir, Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 September. - Badan Ugama Islam (BUI) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan ceramah sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, yang berlangsung baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir, Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong, yang turut sama mendengar ceramah berkenaan bersama pegawai-pegawai kanan, pegawai, anggota pangkat rendah dan kakitangan awam PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ceramah yang menyentuh mengenai kepentingan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai salah satu bentuk kecintaan umat Islam kepada Baginda.

Ceramah turut menekankan keperibadian dan akhlak mulia Baginda sebagai contoh dan panduan dalam kehidupan seharian, di samping nilai pendidikan dan tarbiyah yang terkandung dalam sirah Baginda yang dapat diterapkan dalam membentuk kehidupan berlandaskan rahmat kepada seluruh alam.

Selain itu, ceramah turut menyentuh mengenai amalan berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dilakukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, para malaikat dan umat Islam. Kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga merupakan antara asas penting dalam mencapai kecintaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, dengan harapan agar penghayatan terhadap sirah, akhlak dan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terus dipupuk dalam kehidupan seharian, seterusnya menjadi panduan dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan keikhlasan.



# BAZAR JUALAN MUHIBBAH MENDUKUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN TEMPATAN





**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir menyempurnakan pembukaan rasmi bazar berkenaan (atas). Sementara gambar kanan, antara yang menyertai bazar tersebut bagi mempromosi dan menjual produk mereka.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

>> Muka 1

Terdahulu acara dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa yang dibacakan oleh Ketua Kampung Menunggol, Awang Haji Ibrahim bin Haji Osman.

Sejurus itu diteruskan dengan penyerahan derma Tabung Amal Daerah Brunei dan Muara, diikuti dengan acara pembukaan rasmi, sesi bergambar ramai dan lawatan ke gerai-gerai jualan.

Bazar ini menampilkan lebih dari 80 penjaja yang mempromosi dan menjual produk mereka merangkumi pelbagai kategori seperti makanan dan minuman, kraftangan dan pakaian.

Selain sebagai salah satu program kalendar aktiviti MPK Sungai Bunga 2026, penganjuran bazar ini juga sejajar dengan usaha untuk menghidupkan ekonomi komuniti, merancakkan aktiviti keusahawanan tempatan dan menggalakkan budaya membeli dan berbelanja di negara sendiri.

Di samping menyediakan ruang dan peluang kepada para penguasa 1K1P dan pengusaha tempatan untuk meraih pendapatan, ia juga bagi memupuk perpaduan dan kesefahaman di kalangan ahli-ahli MPK Sungai Bunga dan ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat.

# ISB CIL sedia sokongan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas



**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pusat berkenaan (kiri dan atas).**

**SUNGAI HANCHING**, Selasa, 15 September. – Pusat Pembelajaran Inklusif (Centre for Inclusive Learning - CIL) Bandar, Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB) bertempat di Kampung Sungai Hanching dibuka secara rasmi hari ini.

Penubuhan ISB CIL Bandar merupakan susulan daripada penubuhan ISB CIL yang telah menerima pengiktirafan dan anugerah di Panaga, Kuala Belait pada Januari 2021. Dengan misi untuk membimbing pelajar yang mempunyai cara pembelajaran yang berbeza dalam persekitaran yang holistik dan positif, ISB CIL merupakan sebuah pusat pendidikan khusus yang menawarkan sokongan bertaraf dunia kepada kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pusat berkenaan, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Turut hadir adalah daripada Ahli Lembaga Pengarah ISB, iaitu Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah, Nicholas King; Awang Haji Rashid bin Abdul Razak dan Roy David Kurian.

Terdahulu, Pengetua Eksekutif ISB, Encik Dominic Morley dalam ucapan alu-aluannya berkata, hari ini, ISB mencatatkan satu pencapaian penting dan yang lebih utama, bagi kanak-kanak serta keluarga yang kami berikan perkhidmatan.

Menurutnya lagi, pusat berkenaan mencerminkan komitmen ISB untuk memastikan setiap kanak-kanak berpeluang untuk belajar, menjadi sebahagian daripada komuniti dan berkembang maju.

Inklusiviti ini jelasnya lagi, bukan sekadar sesuatu yang kami tawarkan kerana ia merupakan sebahagian asas daripada identiti kami. Di keempat-empat kampus ISB, kami berusaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran di mana setiap pelajar berasa dihormati, diberi cabaran yang sesuai dan mendapat sokongan yang diperlukan.

"ISB berbangga dapat menjadi sebuah komuniti sekolah yang inklusif dan komitmen ini diperkukuhkan melalui dua Pusat Pembelajaran Inklusif khusus kami, yang menyediakan kepakaran tambahan serta sokongan yang diperibadikan kepada pelajar dengan keperluan pembelajaran yang pelbagai.

"CIL yang baharu ini merupakan langkah seterusnya dalam perjalanan tersebut. Ia menyediakan kemudahan khusus, kakitangan yang berdedikasi, serta peluang kepada para pelajar untuk membina keyakinan diri, berdikari, kemahiran komunikasi dan mencapai kejayaan dalam bidang akademik," ujarnya lagi.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan acara memotong reben oleh tetamu kehormat majlis bersama Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah ISB, sekali gus menandakan pembukaan rasmi ISB CIL Bandar.

Upacara berkenaan kemudiannya diteruskan dengan pelbagai persembahan oleh para pelajar ISB CIL serta kampus utama ISB.

Tetamu kehormat majlis, Lembaga Pengarah ISB dan para tetamu jemputan yang lainnya, berkesempatan untuk mengikuti lawatan ke kemudahan ISB CIL Bandar yang dilengkapi dengan sumber dan kemudahan khusus yang sangat baik.

Diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai TES Specialist Provision Provider of the Year 2025, ISB CIL menyediakan program khusus yang disesuaikan dengan kekuatan, keperluan dan perjalanan pembelajaran setiap kanak-kanak.

Pasukan ISB CIL yang terdiri daripada tenaga pengajar yang berdedikasi dan sangat berpengalaman memastikan keperluan setiap pelajar dipenuhi dalam suasana pembelajaran yang menyokong, di samping memupuk kecemerlangan dan mencetuskan potensi minda.

ISB CIL Bandar membawa perkhidmatan pendidikan khusus ISB yang telah menerima pengiktirafan dan anugerah kepada keluarga-keluarga di Daerah Brunei dan Muara, dengan menyediakan sokongan yang diperibadikan bagi membolehkan setiap pelajar berkembang dan mencapai kecemerlangan dalam aspek akademik, sosial dan emosi.

Pelita Brunei

# KOMITED MEMBANGUN BAKAT TEMPATAN DALAM KESELAMATAN SIBER

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



**GADONG**, Selasa, 15 September. - Bakat-bakat dalam bidang keselamatan siber dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rantau ASEAN berkumpul di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini, bagi menyertai Pertandingan Cyber Battle : Capture the Flag (CTF) 2026, iaitu pertandingan keselamatan siber tahunan yang dianjurkan oleh IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS).

Pertandingan pada tahun ini mengetengahkan Kecerdasan Buatan (AI) sebagai fokus utama cabaran, mencerminkan peranan AI yang semakin penting dalam membentuk landskap keselamatan siber.

Para peserta dikehendaki menyelesaikan pelbagai cabaran yang meneroka hubungan antara AI dan keselamatan siber, sekali gus menguji pengetahuan teknikal, keupayaan berfikir secara analitikal serta kebolehan mereka untuk menyesuaikan diri dan memanfaatkan teknologi yang sedang berkembang.

Pertandingan berkenaan diakhiri dengan Majlis Penyampaian Hadiah yang dihadiri oleh tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap MTIC, Pesuruhjaya Interim Cyber Security Brunei (CSB), serta Ketua Pegawai Eksekutif ITPSS, Awang Azman Iskandar bin Ariffin.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif ITPSS, dalam ucapan alu-aluannya antara lain menekankan kepentingan membangunkan bakat tempatan dalam bidang keselamatan siber serta komitmen berterusan ITPSS dalam memperkukuh ekosistem keselamatan siber di NBD.

Beliau juga menjelaskan mengenai peningkatan permintaan terhadap tenaga profesional yang berkemahiran dalam bidang keselamatan siber di NBD, serta keperluan untuk memperkukuh saluran pembangunan bakat tempatan bagi menangani jurang kemahiran yang sedia ada.

Awang Azman Iskandar seterusnya menegaskan komitmen berterusan ITPSS dalam menyokong usaha CSB bagi memperkukuh kemahiran serta inisiatif pembangunan dan pertumbuhan bidang keselamatan siber melalui peluang pembelajaran secara praktikal dan amali, program kesedaran serta pembangunan profesional.

Pertandingan seperti Cyber Battle: Capture The Flag katanya lagi, turut memberi peluang yang amat bernilai kepada para peserta untuk mengaplikasikan pengetahuan keselamatan siber mereka dalam menghadapi cabaran dunia sebenar, di samping memperkembangkan kemahiran yang diperlukan untuk menyumbang kepada ekosistem keselamatan siber di NBD.




**SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang (atas). Sementara gambar kiri, suasana pada Pertandingan Cyber Battle : Capture the Flag (CTF) 2026.**

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian hadiah oleh tetamu kehormat majlis kepada pasukan-pasukan yang mencatatkan prestasi terbaik sebagai pengiktirafan atas pencapaian cemerlang mereka dalam pertandingan berkenaan.

Pasukan admin:admin dari NBD muncul sebagai juara dengan mengumpul 3,025 matadan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND3,500.

Manakala naib juara diraih oleh pasukan Vibe Check, juga dari NBD dengan mengumpul 2,900 mata dan menerima hadiah sebanyak BND2,500, sementara tempat ketiga dimenangi oleh pasukan The Hash Slinging Slasher dari Republik Indonesia, dengan mengumpul 2,900 mata dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500.

# IPU 4 daerah kekal pada tahap baik hingga sederhana

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 September. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bermula 1 September 2026, pukul 2.00 petang, laporan kualiti udara di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah dipertingkatkan dengan mengambil kira bahan partikulat PM2.5 ke dalam laporan Indeks Pencemaran Udara (IPU).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan PM2.5 sebagai bahan partikulat halus dan mempunyai ukuran diameter kurang daripada 2.5 mikrometer. PM2.5 boleh memasuki jauh ke dalam paru-paru dan aliran darah, dan boleh menyebabkan kesan buruk kepada sistem kardiovaskular (jantung) dan pernafasan.

JASTRe akan terus memantau kualiti udara di NBD dan memberikan maklumat terkini mengenai IPU sebanyak lima kali sehari, iaitu pada pukul 7.00 pagi, 9.00 pagi, 11.00 pagi, 2.00 petang dan 4.00 petang sepanjang tempoh jerebu.

Bacaan IPU hari ini, pada pukul 2.00 petang adalah dicatatkan seperti berikut, iaitu Daerah Brunei dan Muara, kualiti udara adalah baik dengan bacaan IPU 47; Daerah Belait, kualiti udara adalah sederhana dengan bacaan IPU 51; Daerah Temburong, kualiti udara adalah baik dengan bacaan IPU 25; dan Daerah Tutong, kualiti udara adalah baik dengan bacaan IPU 23.

Manakala bacaan IPU pada pukul 4.00 petang adalah dicatatkan seperti berikut, iaitu Daerah Brunei dan Muara, kualiti udara adalah sederhana dengan bacaan IPU 56; Daerah Belait, kualiti udara adalah sederhana dengan bacaan IPU 52; Daerah Temburong, kualiti udara adalah baik dengan bacaan IPU 23; dan Daerah Tutong, kualiti udara adalah baik dengan bacaan IPU 21.

Bacaan IPU kurang daripada 50 adalah bagi keadaan kualiti udara baik. Manakala bacaan IPU di antara 51 dan 100 adalah sederhana. Sementara bacaan IPU di antara 101 dan 200 adalah tidak sihat. Manakala bacaan antara IPU 201 dan 300 adalah sangat tidak sihat. Sementara bacaan IPU lebih daripada 300 adalah merbahaya.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai bahawa apabila bacaan PSI mencapai tahap sederhana (51 ke 100), orang ramai boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah seperti biasa.

Kanak - kanak, wanita mengandung dan warga emas adalah dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah, manakala orang-orang yang menghidap penyakit jantung atau penyakit paru-paru dinasihatkan untuk mengehadkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah.

Kepada mereka yang mengalami gejala yang berterusan atau semakin teruk seperti batuk, sesak nafas, ketidakselesaan pada dada atau kesukaran bernafas adalah dinasihatkan untuk segera mendapatkan rawatan perubatan di klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan yang berdekatan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk merujuk kepada nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan panduan yang lebih lanjut.

Orang ramai dinasihatkan untuk segera menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat di Talian Kecemasan 995 sekiranya berlaku sebarang kejadian kebakaran hutan atau rumput.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka atau apa-apa aktiviti lain yang boleh memburukkan keadaan, terutamanya semasa musim kering.

Orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan.

Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang *www.env.gov.bn* dan Instagram (*@jastre.bn*), manakala maklumat dan nasihat kesihatan boleh diperoleh di laman sesawang *www.moh.gov.bn* atau Instagram rasmi Kementerian Kesihatan.



# PANTARAN KITANI MEMPERKUKUH USAHA MEMELIHARA, MENGEKALKAN WARISAN BUDAYA NEGARA





**TIMBALAN Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan semasa merasmikan pameran berkenaan (atas). Sementara gambar kanan, Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan ketika melawat ke salah satu pameran tersebut.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

>> Muka 1

Berteraskan tema 'Bridging Education and Heritage for Cultural Sustainability' (Menghubungkan Pendidikan dan Warisan Demi Kelestarian Budaya), Pantaran Kitani menghimpunkan agensi warisan, penyelidik, pendidik, pelajar Sarjana Pengajaran (MTeach), pelajar sekolah rendah dan menengah, serta warga UBD untuk meneroka bagaimana warisan ketara dan tidak ketara Negara Brunei Darussalam (NBD) boleh dijadikan sumber yang hidup, tulen, dan bermakna bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Tumpuan utama pameran ini ialah bahan pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan oleh pelajar MTeach bagi menunjukkan bagaimana elemen warisan NBD boleh diolah dan disepadukan ke dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu, Melayu Islam Beraja (MIB), dan Pendidikan Seni.

Melalui bahan-bahan ini, pameran ini mengetengahkan potensi pendidikan warisan dalam memperkukuh identiti dan nilai budaya, di samping menggalakkan pembelajaran bilik darjah yang bermakna dan menarik minat.

Nama Pantaran Kitani diilhamkan daripada konsep 'pantaran' dalam seni bina tradisional Melayu Brunei, yang merujuk kepada ruang untuk menyambut tetamu, berkumpul, dan berinteraksi secara sosial.

Dalam konteks pameran ini, Pantaran Kitani melambangkan titik pertemuan yang menghubungkan institusi pendidikan dengan agensi warisan, sumber warisan dengan bilik darjah, penyelidikan dengan amalan pengajaran, serta generasi muda dengan warisan budaya Brunei.

Pameran ini berkait rapat dengan modul 'ET-5362-P: Integration Through Heritage Education' (Integrasi Melalui Pendidikan Warisan), yang ditawarkan kepada pelajar MTeach, khususnya mereka yang mengkhusus dalam Pendidikan Rendah (Aliran Bahasa Melayu).

Modul ini memberi peluang kepada bakal guru untuk mendalami pemahaman mereka memahami tentang warisan Brunei Darussalam sambil meneroka pendekatan pedagogi bagi mengintegrasikan warisan secara bermakna ke dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Penolong Profesor, Dr. Awang Haji Abu Bakar Haji Madin, selaku Pengerusi Pameran Pantaran Kitani 2026 berkata, pendidikan warisan bukan sahaja menyediakan sumber yang bermakna dan nilai tambah kepada proses pendidikan, malah turut berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan ilmu, memupuk inspirasi, dan berkongsi maklumat berharga dengan guru, pelajar, serta generasi akan datang dalam usaha memelihara, mengekalkan, dan memperkukuh warisan budaya negara.

Pameran ini juga menyediakan platform bagi SHBIE dan Perpustakaan UBD untuk memperkukuh lagi hubungan dengan agensi warisan, sekolah, dan pihak berkepentingan yang lain.

Kerjasama seumpama ini menyokong perkongsian ilmu dan kepakaran, di samping mewujudkan peluang untuk penyelidikan masa hadapan, pembangunan sumber, dan kerjasama profesional dalam bidang pendidikan warisan.

Perpustakaan UBD bertindak sebagai penganjur bersama dan lokasi utama pameran, mencerminkan peranannya sebagai pusat ilmu yang menghubungkan sumber warisan, penyelidikan, pendidikan, dan masyarakat umum.

Inisiatif ini juga menyokong aspirasi lebih luas Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (UN SDG), khususnya SDG 4.7 mengenai pendidikan untuk pembangunan mampan dan kepelbagaian budaya, serta SDG 11.4 mengenai pemeliharaan warisan budaya. Melalui Pantaran Kitani, SHBIE dan Perpustakaan UBD berharap dapat memperkukuh kedudukan warisan Brunei Darussalam dalam bidang pendidikan dan menggalakkan bakal guru untuk mengubah pengetahuan budaya menjadi pengalaman bilik darjah yang bermakna.

Dengan menghubungkan warisan, pendidikan, dan masyarakat, pameran ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada generasi muda agar memahami, menghargai, dan meneruskan kelestarian warisan budaya Brunei.

# Memperkasa golongan muda dalam kelestarian alam sekitar, tindakan iklim

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**





**SESI bergambar ramai pada Program Outreach STEAM : Brunei Young Eco Innovators Project yang berlangsung di Dewan Serbaguna, SM YSHHB (atas). Sementara gambar kanan, Pengetua SM YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin semasa berucap pada majlis berkenaan.**

**BERAKAS**, Selasa, 15 September. - Para pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) terdiri daripada Tahun 10 Fast, Tahun 11 Science 1, Tahun 11 Science 2 dan Tahun 9 Fast, petang tadi menyertai Program Outreach STEAM : Brunei Young Eco Innovators Project yang berlangsung di Dewan Serbaguna, SM YSHHB.

Program berkenaan merupakan kerjasama antara Big BWN Project dan Mitsubishi Corporation (Brunei Liaison Office), bertujuan untuk memperkasa golongan muda dengan pengetahuan dan kemahiran praktikal berkaitan kelestarian alam sekitar, tindakan iklim dan inovasi menerusi pengalaman pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni, dan Matematik (STEAM) yang interaktif serta menarik.

Selain itu, pelbagai aktiviti dan sesi perkongsian telah diadakan bagi meningkatkan kesedaran alam sekitar serta menggalakkan pelajar memainkan peranan aktif dalam membina masa depan yang lebih hijau dan mampan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada program berkenaan, Pengetua SM YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dayang Sarimah merakamkan penghargaan terhadap kerjasama erat antara institusi pendidikan dan sektor korporat dalam menyokong pendidikan alam sekitar serta pembangunan generasi muda yang berpengetahuan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Program berkenaan turut menampilkan beberapa penceramah jemputan yang berpengalaman dalam bidang masing-masing, antaranya wakil Mitsubishi Corporation (Brunei Liaison Office), Penolong Pengurus Bahagian Perhubungan Perniagaan, Dayang Hajah Rohayati binti Haji Damit; serta Noor Hafizah Rashid dari Big BWN Project.

Melalui sesi perkongsian, para penceramah berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai kelestarian alam sekitar, tanggungjawab sosial serta pelbagai inisiatif berteraskan komuniti yang mampu menyumbang ke arah pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang lebih mampan.

Sepanjang bengkel selama dua jam berkenaan, para pelajar didedahkan kepada beberapa tema utama yang menekankan kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan tindakan terhadap perubahan iklim.

Sesi pertama, iaitu Kesedaran Perubahan Iklim, memberi peluang kepada para pelajar memahami sains di sebalik perubahan iklim serta kesannya terhadap NBD. Seterusnya, para pelajar menyertai cabaran interaktif Gaya Hidup Sifar Sisa (Zero Waste Living) yang memberi penekanan kepada amalan mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula bahan buangan menerusi pendekatan yang praktikal dan kreatif.

Program diakhiri dengan Majlis Ikrar Hijau (Green Pledge Ceremony), yang menyaksikan para pelajar melafazkan ikrar untuk mengamalkan gaya hidup lestari serta menjadi ejen perubahan dalam keluarga, sekolah dan masyarakat masing-masing.

Program Brunei Young Eco Innovators Project mencerminkan komitmen bersama Big BWN Project dan Mitsubishi Corporation dalam melahirkan generasi masa hadapan yang bertanggungjawab, kreatif dan berdaya inovasi dalam menangani cabaran alam sekitar.

Melalui program seumpama berkenaan, para pelajar juga digalakkan untuk mengaplikasikan pengetahuan STEAM, pemikiran kritis dan kreativiti dalam mencari penyelesaian terhadap cabaran kelestarian alam sekitar yang semakin kompleks, sekali gus menyumbang kepada pembentukan masa depan yang lebih hijau dan mampan.

# MUHAMMAD SHAH REZZA DIIKTIRAF CALON PENERIMA ANUGERAH PENULIS ASIA TENGGARA



**SEKITAR Majlis Mengagai Calon Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) bagi Tahun 2026 diadakan di Bilik Patih Barbai, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (atas dan bawah kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka**

**BERAKAS**, Selasa, 15 September. - Majlis Mengagai Calon Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) bagi Tahun 2026 diadakan di Bilik Patih Barbai, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Majlis ini merupakan penghargaan dan pemakluman awal mengenai pengiktirafan Awang Muhammad Shah Rezza bin Abdul Aziz @ Rekan anak Lagat sebagai Calon Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi Tahun 2026.

Majlis ini dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Timbalan Pengerusi PPN.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Awang Haji Damit selaku Setiausaha PPN; Ahli Panel Penilai Negara dan Urus Setia Unit Pengiktirafan.

Panel Penilai Anugerah Negara Brunei Darussalam telah sepakat memilih novel 'Bila Ombak Berombak' yang sekali gus mengangkat penulisnya, Awang Muhammad Shah Rezza bin Abdul Aziz dengan nama pena beliau, Rezza sebagai Calon Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 2026.

Awang Muhammad Shah Rezza merupakan antara penulis Brunei Darussalam yang aktif memperkaya khazanah kesusasteraan tanah air melalui penghasilan cerpen, sajak, esei dan novel.

Beliau pernah berkhidmat sebagai guru di beberapa buah sekolah dari tahun 1985 hingga 2012.

Antara karya perseorangan beliau ialah 'Ikan yang Sombong' (1987) dan 'Bila Ombak Berombak' (2026). Karya-karya beliau turut dimuatkan dalam pelbagai penerbitan di dalam dan luar negara.

Penganjuran Anugerah Penulis Asia Tenggara sebagai salah satu anugerah sastera berprestij di rantau Asia Tenggara ini menjadi pemangkin dan sumber galakan kepada penulis-penulis tanah air untuk terus menghasilkan karya sastera yang berkualiti dan bermutu tinggi.

Majlis Penganugerahan kepada calon-calon penerima dari 10 buah negara Asia Tenggara akan diadakan di Istana Sukhothai, Bangkok oleh Ahli Kerabat Diraja Thailand pada penghujung tahun 2026.








# Memperkukuh kerjasama dua hala bidang pendidikan, warisan budaya

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 September. – Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman, khususnya dalam bidang pendidikan dan warisan budaya terus diperkasa melalui penglibatan pelajar dalam Program Pertukaran Budaya dan Pendidikan (At-Tau'amah) antara sekolah-sekolah NBD dan Kesultanan Oman Tahun 1447-1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Program berkenaan menjadi wadah bagi para pelajar berkongsi ilmu, budaya dan pengalaman bersama rakan sebaya daripada kedua-dua buah negara, di samping memperkasa penguasaan komunikasi bahasa Arab.

Program kendalian Unit Ta'zeez Al-Luhgah Al-'Arabiah, Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Kesultanan Oman berkenaan melibatkan lapan buah sekolah, masing-masing empat dari NBD dan empat dari Kesultanan Oman.

Penganjuran tahun ini merupakan kali ketiga sejak mula diperkenalkan pada 2021.

Program yang dilaksanakan secara dalam talian pada petang tadi dihadiri oleh Pengarah, Jabatan Warisan dan Hal Ehwal Kebudayaan, Kesultanan Oman, Dr. Younis bin Jamil Al-Naamani, selaku tetamu kehormat program.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Agung, Suruhanjaya Kebangsaan Oman untuk Pendidikan, Kebudayaan dan Sains, Kesultanan Oman, Dr. Mahmoud Abdullah Al Abri.

Turut memberikan ucapan ialah Ketua Unit Ta'zeez Al-Luhgah Al-'Arabiah, Bahagian Sekolah Arab, JPI, KHEU, Dr. Hajah Norasimah binti Haji Talip selaku Penyelaras Program At-Tau'amah bagi NBD.

Program diteruskan dengan pembentangan pengenalan program dari Kesultanan Oman, perkongsian pengalaman daripada peserta program terdahulu dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.



**PROGRAM Pertukaran Budaya dan Pendidikan (At-Tau'amah) antara sekolah-sekolah NBD dan Kesultanan Oman Tahun 1447-1448 Hijrah / 2026 Masihi diadakan secara dalam talian (atas dan kiri).**

Sebanyak lapan sesi perjumpaan dalam talian telah diaturkan bagi memberi peluang kepada para peserta yang terdiri daripada guru dan para pelajar persekolahan Arab untuk mengadakan perbincangan dan pertukaran pandangan mengenai pelbagai tema berkaitan budaya, pendidikan, teknologi, bahasa dan kenegaraan menggunakan bahasa Arab sebagai medium komunikasi.

Program berkenaan merupakan antara usaha JPI dalam memperluas pengalaman pembelajaran pelajar melalui interaksi antarabangsa, di samping memperkasa penguasaan bahasa Arab dan membina keyakinan berkomunikasi dalam kalangan pelajar.

Penganjurannya turut menyumbang kepada pengukuhan kerjasama dua hala antara NBD dan Kesultanan Oman dalam bidang pendidikan dan warisan budaya.

# PROJEK SUMBANGAN MIKRO PERKUKUH SOKONGAN KEPADA TABP

**Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Sinar Hayat**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 September. - Kumpulan Sinar Hayat, yang terdiri daripada pegawai - pegawai Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort Ke-37 yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA), telah menyerahkan buku Implementation Guide and Checklist serta poster kesedaran bagi Project Lestari Harapan kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Siti Ajar binti Haji Yusop, baru-baru ini.

Majlis penyerahan berkenaan telah diadakan di Kementerian Kesihatan.

Project Lestari Harapan, bertemakan 'Dari Pemberian Berkala Kepada Keprihatinan Lestari', merupakan Projek Jangkauan Komuniti (Community Outreach Project-COP) Kumpulan Sinar Hayat di bawah Program EDPMMO Kohort Ke-37.

Projek berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama Unit Kerja Sosial Perubatan, Kementerian Kesihatan, bagi memperkukuh sokongan kepada Tabung Amal Bantuan Pesakit (TABP) melalui pendekatan sumbangan mikro yang lebih mudah, mudah diakses dan mampan.

Salah satu objektif utama projek berkenaan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kewujudan serta peranan TABP dalam membantu pesakit yang memerlukan. Selain itu, projek berkenaan juga memperkenalkan kaedah sumbangan yang lebih mudah melalui aplikasi perbankan dan penggunaan Kod QR bagi memudahkan orang ramai membuat sumbangan kepada TABP.

Pendekatan berkenaan diharapkan dapat menggalakkan budaya menyumbang secara lebih konsisten serta membantu mewujudkan sumber sumbangan yang berterusan untuk menyokong keperluan pesakit.

Sehubungan itu, Kumpulan Sinar Hayat turut menyerahkan poster kesedaran Project Lestari Harapan yang disediakan selaras dengan Implementation Guide and Checklist. Poster berkenaan merupakan salah satu bahan komunikasi dan promosi yang boleh digunakan oleh Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai TABP, selain memudahkan akses kepada maklumat dan saluran sumbangan melalui Kod QR yang disediakan.



**SEKITAR penyerahan buku Implementation Guide and Checklist serta poster kesedaran bagi Project Lestari Harapan kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan.**

Buku Implementation Guide and Checklist pula bertujuan menjadi panduan bagi memastikan kelestarian dan kesinambungan Project Lestari Harapan selepas tamatnya Program EDPMMO Kohort Ke-37 pada 2026.

Buku panduan berkenaan akan menjadi rujukan kepada Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan, menyelaras dan memantau inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan, termasuk penggunaan dan penempatan bahan-bahan kesedaran berkaitan projek.

Dengan adanya panduan dan bahan kesedaran berkenaan, pelaksanaan inisiatif Project Lestari Harapan dapat diteruskan secara lebih teratur, konsisten dan berkesinambungan, selaras dengan keperluan serta objektif yang telah ditetapkan.

Penyerahan berkenaan mencerminkan komitmen Kumpulan Sinar Hayat untuk memastikan Project Lestari Harapan dapat diteruskan secara berterusan, sekali gus memperkukuh sokongan kepada TABP dan manfaatnya kepada pesakit yang memerlukan.



# MINDA PEMBACA

## Membentuk peribadi mulia berpandukan sunnah Rasulullah

**RASULULLAH** Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi teladan terbaik bagi umat Islam dalam membentuk peribadi mulia. Sunnah Baginda bukan sahaja menjadi panduan dalam melaksanakan ibadah, malah menjadi pedoman dalam menjaga adab dan akhlak dalam kehidupan seharian. Mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dapat membimbing kita dalam memelihara hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala (*hablumminallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*).

Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Membiasakan diri memberi salam, menjaga tutur kata, menghormati orang lain dan membantu mereka yang memerlukan merupakan antara amalan yang mencerminkan adab dan akhlak Baginda. Akhlak Baginda turut terserlah melalui sifat sabar, pemaaf, jujur dan amanah. Apabila amalan dan akhlak ini dibiasakan dalam kehidupan, ia dapat membentuk sahsiah yang baik serta mendidik diri agar sentiasa beradab, bertanggungjawab dan prihatin terhadap orang lain.

Penghayatan sunnah turut relevan dalam kehidupan masa kini. Dalam penggunaan media sosial misalnya, kita perlu menjaga tutur kata, memastikan kesahihan maklumat sebelum berkongsi serta beradab ketika berinteraksi dengan orang lain. Kemajuan zaman tidak seharusnya menghakis adab dan nilai murni yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pembentukan peribadi mulia bukanlah sesuatu yang berlaku dalam sekelip mata, tetapi bermula daripada amalan baik yang dilakukan secara istiqamah sehingga sebati dalam diri. Justeru, kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar dizahirkan melalui kata-kata, tetapi diterjemahkan melalui kesungguhan menghidupkan sunnah Baginda dalam kehidupan seharian. Apabila sunnah dijadikan pedoman dan akhlak Baginda dijadikan teladan, akan lahirlah insan yang luhur sahsiahnya, terpuji akhlaknya serta mampu menyumbang kepada keharmonian keluarga dan kesejahteraan masyarakat.

**Nama : Zuriana binti Mohd. Said**
**No. K/P : 01-030XXX**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Waspada Banjir: Persediaan Menghadapi Musibah'.** Tarikh Tutup : **16 September 2026**
2. **'Amalan Gaya Hidup Lestari dalam Menghadapi Perubahan Iklim'.** Tarikh Tutup : **23 September 2026**
3. **'Strategi Memperkukuh Pengeluaran Makanan Tempatan'.** Tarikh Tutup : **30 September 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

PELITA BRUNEI

# MENDALAMI PROSES PENGHASILAN SYAIR SECARA LEBIH SISTEMATIK

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Isnin, 14 September. - Para peserta 'Merangkai Irama Merintis Warisan : Bengkel Penulisan Syair Melayu' yang diadakan selama tiga hari diraikan dengan Majlis Penutupan hari ini di Bilik Patih Barbai, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dr. Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Radin.

Majlis Penutupan dimulakan dengan bacaan Doa 'Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam', diikuti dengan ucapan wakil peserta yang disampaikan oleh Dayang Nur Hafizah binti Mat Serudin.

Acara turut diserikan dengan persembahan menambang syair sebagai manifestasi penghayatan terhadap seni penyampaian puisi tradisional Melayu yang telah dipelajari sepanjang bengkel.

Bengkel anjuran Bahagian Sastera dan Majalah, DBP diadakan selama tiga hari yang dilaksanakan pada 10, 12 dan 14 September 2026 sebagai salah satu kegiatan sempena Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana 1966-2026.

Pemudah cara bengkel tersebut ialah Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid, Elit Budaya dan Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) 2003 ini memberikan pendedahan dan bimbingan secara praktikal kepada 27 peserta dalam memahami asas-asas penulisan syair Melayu. Para peserta terdiri daripada mahasiswa institusi pengajian tinggi, pelajar prauniversiti, penulis muda dan orang ramai.

Sepanjang bengkel, para peserta berpeluang mendalami proses penghasilan syair secara lebih sistematik, termasuk penyediaan bahagian doksologi, isi syair dan apologi, di samping mempelajari proses pemurnian syair bagi memastikan karya yang dihasilkan menepati ciri, bentuk dan estetika puisi tradisional Melayu.

Bimbingan tersebut bukan sahaja memberikan kefahaman tentang struktur syair, malah membantu peserta memperkemas pemilihan kata, pembinaan rangkap, rima dan penyampaian cerita dalam menghasilkan karya yang lebih baik.

Sebagai hasil dapatan bengkel, para peserta diberikan dua bentuk tugasan, iaitu tugasan secara berkumpulan dan tugasan secara individu. Bagi tugasan berkumpulan, para peserta dibahagikan kepada enam kumpulan untuk menghasilkan syair mengikut tema, manakala tugasan individu memberikan ruang kepada setiap peserta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh sepanjang sesi bimbingan dalam menghasilkan karya masing-masing. Kesemua tugasan akan dinilai dan diterbitkan dalam majalah Bahana.

Para peserta turut berpeluang untuk menyertai Peraduan Penulisan Kreatif Bahana DBP 2026 bagi kategori syair, yang kini dibukakan sehingga 30 September 2026.

Penyertaan itu diharap dapat menjadi kesinambungan kepada bimbingan yang diterima sepanjang bengkel, sekali gus menyediakan ruang kepada peserta untuk mengetengahkan hasil karya mereka dan terus aktif dalam bidang penulisan syair.

Pelaksanaan bengkel berkenaan juga memperkukuh peranan majalah Bahana sebagai wadah perkembangan, pembinaan dan penerbitan karya sastera, khususnya dalam menggalakkan penglibatan penulis baharu dan meneruskan kesinambungan tradisi kesusasteraan Melayu bersempena enam dekad penerbitannya.



**PENYAMPAIAN sijil kepada salah seorang peserta 'Merangkai Irama Merintis Warisan : Bengkel Penulisan Syair Melayu' disempurnakan oleh Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Radin.**



**TERUKIR senyuman pada wajah para hadirin di Majlis Penutupan tersebut yang telah mengambil tempat di Bilik Patih Barbai, Dewan Bahasa dan Pustaka.**

# Latihan jejak warisan perkasa pengetahuan pemandu pelancong





**SESI latihan berkenaan bertujuan untuk memperkaya pengetahuan para pemandu pelancong mengenai sejarah, budaya serta fakta-fakta menarik berkaitan lokasi-lokasi bersejarah di sekitar Bandar Seri Begawan (kiri sekali dan kiri).**

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 September. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri telah menganjurkan dua sesi latihan yang melibatkan seramai 22 orang pemandu pelancong berdaftar dan berlesen di bawah jabatan ini.

Latihan tersebut telah diadakan pada 27 dan 29 Ogos 2026 di beberapa lokasi bersejarah dan mercu tanda utama di kawasan Bandar Seri Begawan.

Sesi latihan ini adalah berlandaskan kandungan Buku Panduan Laluan Jejak Warisan Bandar Seri Begawan, yang mengetengahkan perkembangan dan transformasi Negara Brunei Darussalam dari dahulu hingga kini, di samping memelihara nilai dan keunikan warisan budaya negara seperti Kampong Ayer yang telah berusia lebih daripada 600 tahun.

Antara mercu tanda utama yang turut diketengahkan ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddien, yang mencerminkan keindahan seni bina Islam moden serta menjadi salah satu simbol penting identiti Islam di Negara Brunei Darussalam.

Pendedahan seperti ini adalah penting bagi memastikan para pemandu pelancong mempunyai pengetahuan yang kukuh untuk dikongsikan kepada para pengunjung, khususnya dalam menghadapi peningkatan aktiviti pelancongan menjelang Tahun Melawat Brunei 2027.

Latihan ini bertujuan untuk memperkaya pengetahuan para pemandu pelancong mengenai sejarah, budaya serta fakta-fakta menarik berkaitan lokasi-lokasi bersejarah di sekitar Bandar Seri Begawan.

Melalui proses perkongsian dan pemindahan pengetahuan, para pemandu pelancong bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman mereka, tetapi juga dapat mempelajari cara menyampaikan maklumat tersebut secara lebih tersusun, menarik dan berkesan kepada para pelancong.

Penguasaan pengetahuan yang lebih baik akan membantu meningkatkan keyakinan dan prestasi pemandu pelancong dalam memberikan penerangan yang berkualiti.

Menurut salah seorang peserta iaitu Awang Mohammed Ali Asmae bin Haji Mohammed Nasir, latihan tersebut telah memberikan perkongsian dan maklumat yang bermanfaat.

Latihan berkenaan jelasnya sangat berguna kerana dapat mengukuhkan pengetahuan asas mengenai tempat-tempat dan warisan di Bandar Seri Begawan.

"Maklumat yang sebelum ini kami ketahui juga dapat disahkan dan difahami dengan lebih jelas. Selain itu, dengan adanya latihan ini, ia juga dapat membantu kami sebagai pemandu pelancong dalam menjawab persoalan daripada pelancong dengan lebih yakin dan tepat. Contohnya, mengenai dengan sejarah di sebalik nama tempat seperti Jalan Pretty, Jalan Roberts dan Jalan Cator.

"Secara keseluruhannya, latihan ini banyak membantu meningkatkan keyakinan dan prestasi kami sebagai pemandu pelancong, di samping membolehkan kami berkongsi maklumat dengan lebih menarik. Saya amat menghargai usaha dan perkongsian ilmu yang telah diberikan sepanjang latihan ini," katanya selepas mengikuti sesi latihan tersebut.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan terus memperkukuhkan usaha dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme para pemandu pelancong sebagai salah satu persediaan bagi Tahun Melawat Brunei 2027.

Peningkatan keupayaan dalam pemindahan dan penyampaian pengetahuan sejarah serta budaya akan membolehkan para pemandu pelancong menyampaikan maklumat yang tepat, menarik dan konsisten kepada para pelancong.

Usaha ini diharap dapat meningkatkan prestasi pemandu pelancong serta menyumbang kepada pengalaman pelancong yang lebih berkualiti, bermakna dan mencerminkan identiti serta warisan Negara Brunei Darussalam.

# Hukum Menindik Telinga Anak Kecil

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MENURUT** hukum syara', kaum lelaki haram memakai perhiasan yang khusus untuk kaum perempuan seperti rantai, anting-anting dan gelang, sekalipun perhiasan tersebut bukan diperbuat daripada emas atau perak, kerana perbuatan sedemikian menyerupai kaum perempuan. Dalam hadits yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, beliau berkata :

**Maksudnya** : *Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam melaknat orang-orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Berbeza halnya dengan anak lelaki yang kecil iaitu anak lelaki yang belum mencapai umur baligh, walaupun dia sudah hampir mencapai umur baligh (*al-murahiq*), menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, wali kepada anak lelaki yang kecil seperti bapanya atau ibunya atau abangnya harus memakaikannya pakaian sutera dan begitu juga harus memakaikannya perhiasan walaupun perhiasan itu berupa emas sebagaimana katanya :

**Ertinya** : *Dan menurut pendapat al-ashah bahawasanya (harus) bagi wali (sama ada) bapa atau selainnya memakaikannya iaitu kain sutera kepada anak lelaki yang kecil, walaupun dia sudah hampir baligh, serta (harus bagi wali) memakaikannya dengan perhiasan, walaupun (perhiasan itu) daripada emas.*

Keharusan wali memakaikan pakaian sutera atau perhiasan emas kepada anak lelaki yang kecil kerana anak lelaki yang kecil yang belum baligh itu belum termasuk dalam golongan mukalaf. Walau bagaimanapun menurut asy-Syaikh 'Izzuddin *Rahimahullah* sebagaimana yang dinukil oleh Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj, lebih utama bagi wali meninggalkan perbuatan memakaikan pakaian sutera atau perhiasan emas kepada anak lelaki yang kecil.

Menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah* pula dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj sebagaimana yang dinukil daripada Imam ar-Ramli *Rahimahullah*, apa yang diharuskan bagi perempuan seperti emas dan sutera juga diharuskan bagi anak lelaki yang kecil.

Menyentuh mengenai perhiasan yang dipakaikan untuk anak kecil, ada di kalangan sebilangan masyarakat yang memakaikan perhiasan anting-anting kepada anak kecil dengan menindik telinga mereka. Menindik telinga merupakan suatu amalan yang telah lama dikenali dalam pelbagai masyarakat dan kebudayaan, sama ada sebagai perhiasan, adat mahupun lambang identiti. Dalam perspektif Islam, setiap amalan yang melibatkan anggota tubuh badan, lebih-lebih lagi yang dilakukan terhadap kanak-kanak yang belum berkeupayaan membuat keputusan sendiri, hendaklah dinilai berdasarkan ketetapan syara'. Persoalan yang timbul ialah sama ada perbuatan menindik telinga diharuskan menurut hukum Islam, serta adakah hukum tersebut berbeza mengikut jantina.

Menurut para ulama asy-Syafi'iyyah, hukum menindik telinga anak kecil untuk tujuan memakaikan anting-anting adalah tertakluk sama ada anak kecil itu lelaki atau perempuan sebagaimana yang dijelaskan berikut :

**MENYENTUH mengenai perhiasan yang dipakaikan untuk anak kecil, ada di kalangan sebilangan masyarakat yang memakaikan perhiasan anting-anting kepada anak kecil dengan menindik telinga mereka. Menindik telinga merupakan suatu amalan yang telah lama dikenali dalam pelbagai masyarakat dan kebudayaan, sama ada sebagai perhiasan, adat mahupun lambang identiti.**
**Dalam perspektif Islam, setiap amalan yang melibatkan anggota tubuh badan, lebih-lebih lagi yang dilakukan terhadap kanak-kanak yang belum berkeupayaan membuat keputusan sendiri, hendaklah dinilai berdasarkan ketetapan syara'. Persoalan yang timbul ialah sama ada perbuatan menindik telinga diharuskan menurut hukum Islam, serta adakah hukum tersebut berbeza mengikut jantina.**

### Menindik Telinga Anak Lelaki Yang Kecil

Menindik telinga anak lelaki yang kecil untuk tujuan memakaikan anting-anting hukumnya adalah haram. As-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* menjelaskan perkara ini ketika mensyarah kitab Fath al-Mu'in karangan Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah*, katanya :

**Ertinya** : *Dan haram (hukumnya) menindik telinga anak lelaki yang kecil.*

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, hukum menindik telinga anak lelaki yang kecil adalah haram secara mutlak. Hal ini kerana perbuatan menindik tersebut dianggap sebagai satu bentuk penyeksaan terhadapnya, sedangkan tiada keperluan yang mengharuskan penyeksaan tersebut.

Adapun yang dimaksudkan dengan haram secara mutlak itu ialah perbuatan menindik telinga anak kecil itu tetap dihukumkan haram sekalipun terdapat anggapan dalam sesuatu masyarakat bahawa pemakaian anting-anting merupakan perhiasan bagi anak lelaki yang kecil dalam masyarakat tersebut sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj.

### Menindik Telinga Anak Perempuan Yang Kecil

Manakala menindik telinga anak perempuan yang kecil untuk tujuan memakaikan anting-anting tidak dihukumkan haram secara mutlak sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj. Bahkan ia dihukumkan harus menurut pendapat al-mu'tamad berdasarkan perkataan asy-Syaikh al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam kitabnya Bujairimi 'ala al-Khathib :

**Ertinya** : *Dan (menindik) telinga anak lelaki yang kecil juga demikian (hukumnya haram secara mutlak), dan tidak (berubah keharamannya sekalipun ia) dilihat sebagai perhiasan baginya (anak lelaki yang kecil tersebut), berbeza dengan (anak) perempuan (yang kecil), maka harus (hukumnya) melubangi (menindik) telinganya menurut pendapat al-mu'tamad.*

Menurut Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Mu'in, keharusan menindik telinga anak perempuan yang kecil untuk tujuan memakaikan anting-anting ialah kerana pemakaian anting-anting diketahui sebagai perhiasan pada hak kaum perempuan yang dikehendaki pemakaiannya sejak zaman jahiliyyah sehingga selepas Islam, dan ia juga merupakan bentuk perhiasan yang diiktiraf di pelbagai tempat.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, keharusan menindik telinga anak perempuan yang kecil untuk tujuan memakaikan anting-anting adalah sama seperti keharusan anak perempuan yang kecil bermain dengan anak patung kerana Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* membenarkan anak perempuan yang kecil untuk bermain anak patung atas dasar maslahat.

Demikian penjelasan mengenai hukum menindik telinga anak kecil. Sebagai kesimpulan, menindik telinga anak lelaki yang kecil bagi tujuan memakai anting-anting hukumnya haram secara mutlak. Manakala menindik telinga anak perempuan yang kecil bagi tujuan memakai anting-anting hukumnya adalah harus kerana terdapat maslahat baginya daripada perbuatan menindik itu.

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Menghargai masa

**DALAM** kehidupan seharian kita mungkin mudah terjebak dalam kesibukan duniawi hingga terlupa betapa pentingnya mengurus masa dengan baik dan menggunakannya untuk perkara-perkara yang bermanfaat. Hakikatnya, setiap detik yang berlalu tidak dapat diputar kembali. Oleh itu, menghargai dan memanfaatkan masa dengan sebaik-baiknya adalah tanda kesyukuran kita terhadap nikmat yang Allah telah berikan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al 'Ashr yang mafhumnya :

*"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih, dan saling berpesan untuk mengikut yang haq serta saling berpesan untuk bersabar".*

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa agama Islam sangat mengambil berat betapa pentingnya masa dan bagaimana kita perlu memanfaatkannya sebaik mungkin. Bahkan, mereka yang mengabaikan masa adalah mereka yang rugi. Orang yang bijak adalah orang yang mampu mengatur masa dengan baik, menggunakan setiap peluang yang ada untuk melakukan amal salih dan memperbaiki diri.

Seluruh kehidupan manusia sebenarnya berkaitan dengan masa. Jika seseorang itu mengabaikan masa pastinya akan mengakibatkan kerugian besar dalam kehidupannya. Dan jika kita bijak menggunakan masa kita akan beroleh keberkatan dan Allah Subhanahu Wata'ala akan cukupkan masa kita seharian. Oleh itu kita hendaklah memastikan bahawa setiap masa kita itu tidak disia-siakan begitu sahaja.

Masa merupakan nikmat yang tidak ternilai harganya. Setiap manusia dikurniakan tempoh yang sama iaitu 24 jam sehari, namun hasil yang diperolehi bergantung pada cara masa itu diuruskan. Setiap detik yang berlalu adalah peluang untuk kita memperbaiki diri dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan menghargai masa, kita akan menjadi lebih produktif, bijak, dan bertanggungjawab dalam setiap aspek kehidupan.

Dalam Islam, masa adalah amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang akan dipersoalkan pada hari kiamat nanti. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberikan pesanan yang sangat berharga dalam menjaga dan menghargai masa. Masa yang ada tidak harus diabaikan bahkan hendaklah digunakan dengan perkara yang boleh mendatangkan manfaat kepada kita.

Daripada Ibnu Abbas Radhiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara : Masa mudamu sebelum datang masa tuamu, masa sihatmu sebelum datang masa sakitmu, masa kayamu sebelum datang masa miskinmu, masa lapangmu sebelum datang masa sibukmu dan hidupmu sebelum datang matimu".*

(Hadis sahih riwayat Al-Hakim).

Hadis ini mengingatkan bahawa setiap peluang yang dimiliki hari ini tidak akan datang lagi pada masa hadapan. Oleh itu marilah kita berusaha untuk memanfaatkan setiap detik yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dengan sebaik mungkin, agar kita tidak menyesal di kemudian hari. Sebagai seorang Muslim kita hendaklah menggunakan masa sebaik mungkin seperti memperbanyakkan membuat amal ibadah dan amal kebajikan. Masa lapang boleh diisi dengan membaca Al-Quran, berzikir, menunaikan sembahyang sunat, membantu ibu bapa, menziarahi saudara-mara, menghadiri majlis ilmu, melakukan kerja sukarela dan menyantuni masyarakat yang memerlukan. Semua ini merupakan cara pengisian masa yang berkualiti dan bermanfaat.

Daripada Mu'adz bin Jabal, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Tidak akan melangkah kaki seorang hamba pada hari kiamat sampai ia ditanya tentang empat hal, tentang umurnya bagaimana ia gunakan, tentang masa mudanya bagaimana ia habiskan, tentang hartanya dari mana ia dapat dan di mana ia keluarkan, dan tentang ilmunya apa yang ia amalkan dengannya".*

(Hadis sahih riwayat Sunan Ad-Darimi).

Banyak orang mengetahui nilai dan keutamaan masa dan mengetahui perkara-perkara bermanfaat yang seharusnya dilakukan untuk mengisi masa, tetapi kerana lemahnya tekad maka mereka tidak melakukannya. Pengurusan masa yang baik akan melahirkan masyarakat yang amanah, berdaya saing dan sentiasa berusaha melakukan kebaikan. Ingatlah setiap saat di dunia ini akan dipersoalkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak.

Jika kita benar-benar memahami tujuan hidup dan menghargai nilai masa maka seharusnyalah kita mengisinya dengan perkara-perkara yang bermanfaat untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita menjadikan setiap hari sebagai peluang untuk memperbaiki diri, berbakti kepada masyarakat dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan menghargai masa, kita bukan sahaja mencapai kejayaan di dunia malah memperoleh keredaan dan ganjaran yang berkekalan di akhirat.

# PENGGUNAAN AI PERLU BERHEMAH, BERTANGGUNGJAWAB

**AI perlu digunakan secara berhemah dan bertanggungjawab supaya manfaatnya dapat dinikmati tanpa menjejaskan nilai, kemahiran dan keupayaan manusia untuk berfikir secara sendiri.**




**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 September. - Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) semakin berkembang dalam kehidupan seharian, khususnya dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan pengurusan maklumat.

Teknologi ini menawarkan pelbagai kemudahan kepada pengguna untuk mendapatkan maklumat, menghasilkan idea serta membantu menyelesaikan tugasan dengan lebih cepat dan mudah.

Namun, penggunaan AI tidak seharusnya hanya dilihat sebagai alat untuk mempercepatkan atau memudahkan sesuatu tugasan. Sebaliknya, teknologi tersebut perlu digunakan secara berhemah dan bertanggungjawab supaya manfaatnya dapat dinikmati tanpa menjejaskan nilai, kemahiran dan keupayaan manusia untuk berfikir secara sendiri.

Pengguna juga perlu menyedari bahawa maklumat yang diberikan oleh AI tidak semestinya tepat dalam setiap keadaan. Oleh itu, setiap maklumat yang diperoleh perlu disemak dan dibandingkan dengan sumber yang sahih sebelum digunakan. Langkah tersebut penting bagi mengelakkan penyebaran maklumat yang salah, tidak lengkap atau mengelirukan.

Penggunaan AI secara bertanggungjawab juga melibatkan kesedaran terhadap privasi dan keselamatan maklumat. Pengguna perlu berhati-hati sebelum memasukkan maklumat peribadi, dokumen sulit atau data organisasi ke dalam sistem AI. Tindakan yang tidak berhati-hati boleh mendedahkan maklumat kepada risiko penyalahgunaan.

Pada masa yang sama, AI boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kreativiti dan produktiviti manusia. Pengguna boleh meminta AI memberikan cadangan, menyusun idea atau membantu mengenal pasti kesilapan. Selepas itu, pengguna masih perlu membuat penilaian sendiri dan memastikan hasil akhir bersesuaian dengan tujuan serta konteks penggunaannya.

Peranan manusia tetap penting walaupun teknologi AI semakin canggih. Kemahiran seperti pemikiran teliti, penyelesaian masalah, kreativiti, komunikasi dan pertimbangan tepat tidak seharusnya diketepikan hanya kerana wujudnya teknologi yang mampu memberikan jawapan dengan pantas.

Sehubungan itu, masyarakat perlu membentuk budaya penggunaan AI yang lebih matang. Pendidikan mengenai AI bukan sahaja perlu mengajar cara menggunakan teknologi tersebut, tetapi turut menekankan aspek etika, tanggungjawab, semakan fakta, privasi dan kesedaran terhadap batas penggunaannya.

Kesimpulannya, kejayaan dalam penggunaan AI bukan diukur berdasarkan sejauh mana teknologi itu dapat mempercepatkan sesuatu tugasan tetapi sejauh mana manusia mampu menggunakannya dengan bijak dan bertanggungjawab.

## Warga asing ditahan kerana kesalahan imigresen




SUASANA pada Operasi Kakas 2026 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan dan Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 September. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan dan Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait telah melaksanakan dua operasi penguatkuasaan undang-undang di bawah Operasi Kakas 2026, baru-baru ini.

Operasi Kakas 96/2026 menyasarkan ke lima lokasi berasingan di sekitar Mukim Liang dan hasil daripada operasi tersebut, 20 warganegara asing dan seorang Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam telah diperiksa.

Seorang daripada yang diperiksa telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait bagi siasatan lanjut kerana gagal untuk mengemukakan dokumen yang sah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c), Akta Imigresen, Penggal 17 dan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Sementara, Operasi Kakas 100/2026 menyasarkan ke premis perniagaan kecantikan dan kesihatan di Mukim Gadong dan hasil daripada operasi tersebut, tiga orang warganegara asing telah diperiksa dan seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan pas lawatan.

---

## Alai Pintar — SOALAN 181

### SOALAN 16 SEPTEMBER 2026, RABU

**Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.**

1. Di daerah manakah letaknya Masjid Omar 'Ali Saifuddien?
   a) Daerah Brunei dan Muara
   b) Daerah Tutong
   c) Daerah Temburong

2. Apa yang dimaksudkan dengan perambahan Brunei 'Amai Tangan'?
   a) Kurang sihat
   b) Tidak tetap pendirian
   c) Suka menjangkau-jangkau sesuatu tanpa tujuan

3. 345 x 6 = ______?
   a) 2, 070
   b) 2, 000
   c) 2, 700

**TARIKH TUTUP : 30 SEPTEMBER 2026**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai Berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong
Antara faktor risiko penyakit tidak berjangkit adalah disebabkan pemakanan tidak sihat, Kurang melakukan aktiviti fizikal, merokok dan juga mengambil alkohol secara berlebihan.

NCD telah membunuh lebih kurang 40 juta orang setahun di seluruh dunia dan penyebab kepada 70 peratus kematian. Jumlah ini juga didapati semakin meningkat saban tahun.

Penyakit tidak berjangkit boleh menyerang sesiapa sahaja tanpa mengira umur, agama dan bangsa. Walaupun ramai menganggap penyakit tidak berjangkit ini lebih ramai dihidapi oleh golongan tua, namun data menunjukkan kematian akibat penyakit tidak berjangkit boleh berlaku pada pesakit yang berumur dari 30 sehingga ke 70 tahun.

Terdapat empat kumpulan NCD yang paling kerap berlaku iaitu penyakit kardiovaskular, kanser, penyakit pernafasan kronik dan kencing manis.

Penyakit kardiovaskular sering dikaitkan dengan pemakanan tidak sihat dan kehidupan yang tidak aktif sehingga boleh menyebabkan peningkatan tekanan darah, paras gula dalam darah, lemak dalam darah dan juga obesiti. Penyakit kardiovaskular merupakan penyebab utama kematian di antara kesemua NCD. Antara contoh penyakit kardiovaskular yang tidak berjangkit ialah serangan jantung, angin ahmaratau strok, penyakit koronari arteri, penyakit serebrovaskular, penyakit arteri periferi, penyakit jantung kongenital.

### Kanser

Kanser boleh menyerang semua peringkat umur, taraf sosioekonomi, jantina dan bangsa. Ia merupakan penyumbang kedua terbanyak kematian akibat NCD di seluruh dunia. Sesetengah kanser sukar untuk dicegah disebabkan ia melibatkan faktor genetik (keturunan). Walau bagaimanapun WHO menganggarkan lebih kurang 30 ke 50 peratus kanser boleh dicegah dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat.

### Penyakit pernafasan kronik

Penyakit pernafasan kronik merupakan penyakit yang menyerang saluran pernafasan dan paru-paru. Sesetengah penyakit ini juga melibatkan genetik (keturunan). Walau bagaimanapun ia juga boleh disebabkan faktor gaya hidup seperti merokok dan keadaan persekitaran seperti terdedah kepada udara tercemar dan pengaliran udara yang teruk.

Kebanyakan penyakit pernafasan kronik sukar disembuhkan tetapi boleh dikawal dengan rawatan perubatan. Antara penyakit pernafasan kronik yang kerap berlaku termasuklah asma atau Lelah.

### Kencing manis

Penyakit kencing manis berlaku apabila badan tidak dapat menghasilkan insulin yang mencukupi. Insulin merupakan hormon yang mengawal kandungan gula (glukos) dalam darah. Kencing manis juga boleh berlaku apabila badan tidak dapat menggunakan insulin yang dihasilkan. Antara komplikasi kencing manis termasuklah penyakit jantung, hilang penglihatan dan kerosakan buah pinggang. Jika paras gula dalam darah tidak terkawal, ia boleh merosakkan organ-organ dalam badan untuk jangka masa panjang.

### Kesimpulan

Jika awda dikesan menghidap NCD, ikutlah pelan rawatan yang telah diberikan oleh doktor awda bagi memastikan awda berapa pada tahap kesihatan yang optimum dan mampu memiliki kehidupan yang berkualiti. Selain itu kos penjagaan kesihatan awam akibat NCD dapat dikurangkan jika kita semua bersikap positif dengan menjalani cara kehidupan yang lebih sihat.



BERITA GLOBAL

# MALAYSIA, THAILAND PERKUKUH KERJASAMA TENAGA MENERUSI PERJANJIAN BAHARU MTJDA

**BANGKOK**, 14 Sept. - Malaysia dan Thailand hari ini memperkukuh kerjasama dalam sektor tenaga menerusi pemeteraian Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) dan Perjanjian Jualan Gas (GSA) baharu bagi Blok A-18-01 di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA).

Menteri Ekonomi Akmal Nasrullah Mohd. Nasir, yang kini dalam lawatan kerja dua hari ke Thailand, berkata perjanjian yang dimeterai bersempena Gastech 2026 di sini, bakal menjamin kesinambungan pembangunan blok berkenaan, di samping meningkatkan keyakinan pelabur dan menyokong keselamatan tenaga kedua-dua negara.

Akmal berkata perkembangan itu berlaku pada waktu yang penting ketika gas asli terus memainkan peranan utama dalam sistem tenaga dan pertumbuhan sosioekonomi Malaysia, dengan bahan api itu diunjurkan menyumbang sebanyak 56 peratus daripada jumlah bekalan tenaga primer (TPES) negara menjelang 2050.

"Keutamaan adalah untuk memastikan pembangunan sumber tenaga terus menarik pelaburan dan disokong oleh keupayaan industri yang dapat mewujudkan nilai berterusan.

"Kepastian, kesinambungan dan keyakinan amat penting untuk membuka peluang pelaburan, mengekalkan pengeluaran serta menjamin nilai jangka panjang," kata beliau dalam satu kenyataan pada Isnin.

PSC Blok A-18-01 dimeterai antara Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA), PC JDA Limited dan PTTEP JDX, manakala GSA turut melibatkan PETRONAS dan PTT Public Company Limited.

Akmal berkata kemajuan yang dicapai menerusi Blok A-18-01 menyediakan asas kukuh bagi pembangunan berterusan MTJDA, yang mencerminkan kerjasama hampir lima dekad antara Malaysia dan Thailand.

Beliau berkata momentum daripada perjanjian terbaharu itu seharusnya membuka jalan kepada fasa seterusnya bagi pembangunan PSC dan GSA baharu untuk Blok B-17-01.

"Momentum yang tercipta hari ini seharusnya membuka jalan kepada fasa seterusnya dalam pembangunan PSC dan GSA baharu bagi Blok B-17-01, ketika kita terus memanfaatkan sepenuhnya potensi MTJDA demi manfaat kedua-dua negara," katanya.

Akmal turut berkata Malaysia mengharapkan rakan industri dan kontraktor menyediakan modal, teknologi, kepakaran serta komitmen jangka panjang yang diperlukan untuk membangunkan sumber terbabit secara bertanggungjawab dan berdaya maju dari segi komersial.

Perdana Menteri Thailand Anutin Charnvirakul, Menteri Tenaga Thailand Akanat Promphan dan Akmal menyaksikan majlis pemeteraian itu.

Sementara itu, Akanat menyifatkan MTJDA sebagai model kerjasama dua hala yang berjaya berteraskan kepercayaan dan kepentingan bersama, sambil berkata perjanjian baharu itu menandakan satu lagi fasa penting dalam kerjasama tenaga Malaysia-Thailand.

Beliau berkata pembangunan itu berpotensi merangsang pelaburan, menyokong pembangunan mampan dan menyumbang kepada kemakmuran bersama. - ©BERNAMA

# Insiden tembakan dekat pusat mengundi Bangsamoro ragut 3 nyawa

**COTABATO CITY** (Republik Filipina), 14 Sept. - Tiga orang maut dan 15 lagi cedera dalam kejadian tembak-menembak berhampiran sebuah pusat mengundi di sini pada lewat malam Ahad, beberapa jam sebelum Pilihan Raya Parlimen Bangsamoro (BPE) berlangsung pada Isnin.

Kejadian berlaku di hadapan Sekolah Rendah Datu Usman Mampen, lapor Agensi Berita Filipina (PNA) memetik jurucakap Pejabat Polis Wilayah Bangsamoro, Kapten Steffi Salanguit.

"Sebelum kejadian tembakan itu, dua letupan menggegarkan bandar raya pada malam Ahad sehingga menyebabkan seorang cedera parah," kata Salanguit dalam satu kenyataan pada Isnin.

Siasatan awal polis mendapati mangsa yang dikenal pasti sebagai Zainudin Macabuat membawa bahan letupan yang meletup lebih awal daripada sepatutnya pada 8 malam berhampiran sebuah sekolah di Barangay Mother Kalanganan, Cotabato City.

Satu lagi letupan berlaku di Barangay Rosary Heights 10 pada 9 malam, namun tiada kecederaan dilaporkan.

Pada 5 petang, satu insiden tembakan rambang turut berlaku di kampung yang sama, namun tiada mangsa dilaporkan cedera.

Mengenai kejadian tembak-menembak di Barangay Bagua 2, Salanguit berkata identiti mangsa yang maut dan cedera masih belum dikenal pasti.

"Siasatan awal mendapati dua kumpulan berkumpul di hadapan sekolah sebelum berlaku pertengkaran. Kedua-dua kumpulan merupakan penyokong parti politik," katanya.

Polis masih menyiasat punca kejadian tembakan itu serta mengenal pasti pihak yang terlibat.

Polis turut menemukan kelongsong peluru kosong bagi pistol berkaliber .45 dan 9mm di lokasi kejadian.

Pasukan polis dan tentera kekal bersiap siaga menjelang pilihan raya BARMM pada Isnin. - ©BERNAMA

# Pihak berkuasa Filipina gagalkan cubaan pengeboman sebelum pusat mengundi dibuka di Basilan

**LAMITAN CITY (Republik Filipina)**, 14 Sept. - Polis dan tentera Republik Filipina menggagalkan cubaan pengeboman selepas menemukan alat letupan buatan sendiri (IED) awal Isnin, beberapa jam sebelum pusat mengundi dibuka bagi Pilihan Raya Parlimen Bangsamoro (BPE), menurut polis.

IED itu ditemukan kira-kira 1.15 pagi dalam operasi berasaskan risikan di Barangay Balobo di bandar ini yang dijalankan oleh Balai Polis Lamitan City (LCPS) bersama unit polis lain serta Kompeni Peninjau Divisyen Ke-112 Tentera Darat, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Polis memaklumkan anggota Unit Pemusnah Bahan Letupan dan Anjing Pengesan Wilayah berjaya memusnahkan alat berkenaan dengan selamat menerusi letupan terkawal kira-kira 3.30 pagi.

Menurut polis, IED itu terdiri daripada detonator elektronik, kira-kira satu batang trinitrotoluena (TNT), papan kekunci telefon bimbit, terminal bateri sembilan volt, paku konkrit tiga inci, bekas plastik dan beberapa wayar. "IED itu dimusnahkan menerusi letupan terkawal selepas ditemukan," menurut LCPS dalam laporannya pada Isnin.

Penyiasat LCPS mendokumentasikan lokasi kejadian dan menyerahkan bahan bukti yang ditemukan kepada unit forensik polis untuk analisis kimia. LCPS mengendalikan siasatan kes itu dan pihak berkuasa dijangka mengeluarkan perkembangan lanjut dari semasa ke semasa.

Suruhanjaya Pilihan Raya memaklumkan seramai 248,244 pengundi berdaftar dijangka menunaikan tanggungjawab mereka di wilayah itu. Bandar ini mempunyai jumlah pengundi tertinggi dalam kalangan kawasan yang terbabit dalam pilihan raya parlimen berkenaan, dengan 56,042 pengundi berdaftar.

Sementara itu, Uskup Basilan Leo Dalmao berkata keamanan yang dicapai dengan susah payah di wilayah itu seharusnya membuka jalan kepada pilihan raya yang aman, teratur dan jujur.

Dalmao berkata suasana relatif aman yang dinikmati Basilan sejak beberapa tahun kebelakangan ini memberi peluang kepada wilayah itu untuk menunjukkan kepada rantau Bangsamoro hasil yang boleh dicapai melalui keamanan berterusan.

"Kami berdoa agar kemajuan keamanan yang dicapai sejak beberapa tahun lalu turut membuahkan hasil dalam bentuk pilihan raya yang teratur, aman dan jujur," katanya kepada pemberita.

Basilan sejak sekian lama dikaitkan dengan konflik bersenjata dan keganasan, namun Dalmao berkata wilayah itu perlu terus membina kemajuan yang dicapai sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Beliau berharap pilihan raya itu akan melahirkan "pemimpin yang lebih baik dan berwibawa" untuk Basilan serta rantau Bangsamoro.

Gabenor Mujiv Hataman pula merayu supaya BPE berlangsung secara aman dan berwibawa, selain menggesa parti politik berlaku adil serta membenarkan pengundi menunaikan tanggungjawab mereka dengan bebas. - ©BERNAMA

# Jerebu rentas sempadan landa Republik Singapura, cecah selatan Republik Sosialis Viet Nam

**REPUBLIK SINGAPURA**, 14 Sept. - Jerebu rentas sempadan dikesan meliputi Republik Singapura dan telah mencapai bahagian selatan Republik Sosialis Viet Nam pada pagi Isnin, menurut Pusat Meteorologi Khusus ASEAN (ASMC).

Dalam laporan harian mengenai keadaan cuaca dan jerebu, ASMC menyatakan bahawa titik panas dan jerebu di rantau ini dijangka kekal pada paras tinggi, dengan risiko berterusan berlakunya jerebu rentas sempadan.

"Angin di bahagian selatan rantau ASEAN diramalkan bertiup terutamanya dari arah tenggara kecuali di beberapa bahagian Borneo, dan angin diramalkan bertiup perlahan dan berubah-ubah arah," menurut ASMC pada Isnin.

ASMC terus mengesan jerebu sederhana hingga tebal di kawasan tengah dan selatan Sumatera, Kalimantan Barat dan Tengah, serta beberapa bahagian di Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

"Kelompok titik panas yang berselerak dikesan di kawasan selatan Sumatera, selain di Kalimantan Barat, Tengah dan Selatan. Beberapa titik panas juga dikesan di Semenanjung Malaysia dan Jawa," menurut laporan itu.

Menurut ASMC, stesen pemantauan kualiti udara di kawasan yang terjejas akibat jerebu rentas sempadan turut melaporkan tahap sederhana hingga tidak sihat.

Sementara itu, data daripada Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) Singapura menunjukkan Indeks Pencemaran Udara (PSI) 24 jam di rantau tengah memasuki tahap tidak sihat pada bacaan 102 setakat 12 tengah hari.

Kualiti udara di kawasan lain kekal pada tahap sederhana, dengan bahagian Timur dan Barat masing-masing mencatatkan PSI 91, manakala Utara (79) dan Selatan (82). - ©BERNAMA

# Seorang maut, 13 cedera dalam kejadian tanah runtuh di Aceh Tengah

**JAKARTA**, 14 Sept. - Seorang maut manakala 13 yang lain cedera dalam kejadian tanah runtuh akibat hujan lebat di Aceh Tengah, wilayah Aceh pada Ahad.

Pemangku Ketua Pusat Data, Maklumat dan Komunikasi Bencana, Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB) Berton Panjaitan berkata kejadian berlaku kira-kira 6.15 petang waktu tempatan dan menjejaskan tujuh kampung di empat kawasan.

Beliau berkata kawasan yang terjejas ialah Kebayakan, Lut Tawar, Celala dan Silih Nara, manakala runtuhan tanah serta lumpur menghalang beberapa jalan utama, jalan wilayah dan jalan tempatan selain merosakkan kediaman.

"Dua rumah dilaporkan rosak teruk manakala dua lagi mengalami kerosakan sederhana. Beberapa jalan turut terhalang akibat runtuhan tanah sehingga menjejaskan laluan awam," kata beliau dalam satu kenyataan pada Isnin.

Berton berkata Badan Pengurusan Bencana Daerah (BPBD) Aceh Tengah sedang bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk membuat penilaian di kawasan terjejas.

Sebuah jentera angkut beroda dan sebuah jengkaut turut dikerahkan bagi membersihkan runtuhan tanah yang menghalang jalan. Beliau berkata kerja-kerja pembersihan masih diteruskan bagi membuka semula jalan terjejas serta melancarkan pergerakan dan aktiviti penduduk setempat.

Penduduk di Aceh Tengah dan kawasan sekitarnya turut diingatkan supaya terus berwaspada terhadap kemungkinan berlaku tanah runtuh susulan, khususnya ketika hujan lebat atau berpanjangan.

Mereka yang tinggal berhampiran cerun dan tebing pula dinasihatkan berpindah ke kawasan lebih selamat sekiranya mengesan tanda-tanda pergerakan tanah. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# PAKAR BERI AMARAN ANCAMAN SENYAP GUNUNG BERAPI DI AMERIKA

**WASHINGTON,** 15 Sept. - Aliran lumpur yang membinasakan boleh melanda Gunung Rainier di negeri Washington, salah satu gunung berapi paling berbahaya di Amerika Syarikat (AS) walaupun tanpa letusan, kata seorang ahli geologi, lapor Sputnik memetik RIA Novosti.

Holly Weiss-Racine, dari Pemantauan Geologi AS (USGS), berkata penduduk berhampiran hanya mempunyai masa beberapa minit untuk menyelamatkan diri.

"Lahar (aliran lumpur daripada cerun gunung berapi) boleh dicetuskan oleh letusan, tanah runtuh atau gempa bumi namun boleh juga berlaku tanpa amaran. Kejadian ini, yang dikenali penduduk setempat sebagai 'lahar tanpa amaran', amat berbahaya kerana komuniti mungkin hanya mempunyai beberapa minit untuk berpindah," kata pakar itu.

Beliau menambah beberapa batu di cerun barat Rainier telah dilemahkan oleh proses hidroterma, menjadikannya mudah runtuh.

Kira-kira 500 tahun lepas, keruntuhan seperti itu mencetuskan lahar 'Elektron' yang besar, mengalir kira-kira 62 batu (lebih kurang 100 kilometer).

Para saintis tidak menemukan bukti bahawa lahar itu disertai dengan letusan. Kajian USGS menunjukkan bahawa terdapat bilangan batuan mudah runtuh yang cukup di cerun barat Rainier untuk kejadian serupa berlaku sekali lagi.

Dalam senario sedemikian, aliran lumpur boleh sampai ke kawasan berpenduduk terdekat dalam tempoh lima hingga 10 minit dan pusat berpopulasi lebih besar kurang sejam.

Bencana baru-baru ini di Nepal juga disebabkan oleh keruntuhan glasier secara tiba-tiba.

Pada 26 Ogos, bongkah glasier, berserta ais dan batu, runtuh ke dalam sungai dan mencetuskan banjir yang membinasakan. Weiss-Racine berkata peristiwa di Nepal itu bukan disebabkan oleh lahar gunung berapi.

Antara bencana yang melibatkan lahar berlaku pada 1985, apabila letusan gunung berapi Nevado del Ruiz di Colombia mencairkan salji dan ais di puncak lalu mencetuskan aliran lumpur besar yang melanda lembah sekeliling.

Lahar itu membunuh lebih 25,000 orang termasuk kira-kira 23,000 penduduk bandar Armero, menurut USGS. - ©BERNAMA

# Pendaki tanpa pengalaman altitud tinggi mungkin dilarang daki Everest

**MOSCOW**, 15 Sept. - Nepal sedang merancang untuk melarang pendaki gunung tanpa pengalaman pendakian di altitud tinggi daripada mendaki Gunung Everest, dengan butiran perundangan yang dicadangkan itu kini sedang digubal, kata Setiausaha Agung Persatuan Mendaki Gunung Nepal Rajendra Lama kepada RIA Novosti.

"Antara langkah baharu paling penting ialah keperluan untuk mempunyai pengalaman mendaki di altitud tinggi terlebih dahulu bagi sesiapa yang merancang untuk mendaki Gunung Everest. Matlamatnya adalah untuk memastikan pendaki mempunyai pengalaman mencukupi di altitud tinggi sebelum menyertai ekspedisi komersial mendaki gunung tertinggi dunia yang juga paling mencabar dari segi teknikal," kata pegawai persatuan itu.

Undang-undang baharu itu masih dalam peringkat pembangunan dan penggubal undang-undang Nepal sedang membahaskan bilangan pendakian terdahulu ke puncak berketinggian lebih 7,000 dan 8,000 meter yang akan diwajibkan bagi mendapatkan permit.

Menurut penerbitan aktiviti mendaki gunung Explorersweb, peraturan baharu itu berkemungkinan tidak sempat berkuat kuasa bagi musim bunga 2027.

Persatuan itu juga sangat mengesyorkan supaya pendaki mendapatkan perlindungan insurans komprehensif yang meliputi pendakian altitud tinggi, pemindahan kecemasan menggunakan helikopter dan, jika perlu, kos penghantaran pulang.

Yuran kerajaan untuk mendaki puncak tertinggi dunia itu turut berubah tahun ini.

"Bagi pendaki asing yang menggunakan laluan biasa, bayaran kini ialah USD15,000 bagi musim bunga (Mac-Mei), USD7,500 bagi musim luruh (Sept-Nov.) dan USD3,750 bagi musim sejuk dan musim panas," kata Lama.

Sehubungan itu, yuran bagi setiap pendaki pada musim bunga meningkat daripada USD11,000 sebelum ini kepada USD15,000. Sistem yuran baharu itu telah berkuat kuasa dan terpakai bagi musim pendakian semasa. - ©BERNAMA

# Pemimpin ASEAN bincang langkah kurangkan impak bencana

**MANILA**, 15 Sept. - Pemimpin ASEAN dijadual membincangkan bagaimana blok dianggotai 11 negara itu mampu menterjemahkan komitmen daya tahan bencana peringkat serantau dan global kepada pelaksanaan, sepanjang Persidangan Peringkat Menteri ASEAN Mengenai Daya Tahan Bencana (AMCDR) selama dua hari yang bermula pada 15 September di Manila, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Satu kenyataan media yang disiarkan di portal ASEAN 2026 pada Ahad malam memaklumkan pegawainya akan meneliti isu pengurangan risiko bencana, kesiapsiagaan, tindakan awal, tindak balas kecemasan, pemulihan, pembiayaan, inovasi serta daya tahan keseluruhan masyarakat.

AMCDR merupakan acara teras bagi Kepengerusian ASEAN 2026 yang disandang Republik Filipina, dan dirangka khusus bagi menangani satu daripada cabaran paling berterusan serta menelan kos tinggi di rantau ini iaitu pendedahan kepada ancaman bencana.

Kenyataan itu menjelaskan bahawa rantau ini "terletak di dalam Asia-Pasifik, iaitu rantau yang paling terdedah kepada bencana di dunia"; justeru cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan negara anggota merangkumi "taufan, banjir, gempa bumi, kemarau dan cuaca melampau yang semakin buruk berikutan perubahan iklim".

Bahaya berkenaan, menurut kenyataan itu, "semakin berkait dengan pembandaran pesat, kemerosotan alam sekitar serta tekanan lain, sekali gus mewujudkan risiko sistemik, melata dan berganda".

Ia turut menekankan bahawa "risiko yang dihadapi melangkaui mana-mana bencana secara individu" memandangkan rantau ini "mewakili antara rantau ekonomi paling dinamik di dunia, dengan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi US$3.6 trilion dan populasi lebih 670 juta jiwa".

"Sebagai habutama bagi perdagangan, pembuatan dan pelaburan global, gangguan akibat bencana boleh memberi kesan rantaian terhadap rantaian bekalan dan pasaran melangkaui Asia Tenggara. Justeru, memperkukuh ketahanan bencana adalah penting bagi pembangunan mampan, keselamatan ekonomi dan kestabilan serantau," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

# Republik Indonesia mungkin pinda peraturan wajibkan platform digital utama buka pejabat tempatan

**JAKARTA**, 15 Sept. - Republik Indonesia mungkin meminda peraturan bagi mewajibkan platform digital utama menubuhkan pejabat perwakilan di negara itu dalam usaha memperkukuh pemantauan di bawah peraturan perlindungan kanak-kanak dalam talian.

Menteri Komunikasi dan Digital Meutya Hafid berkata langkah itu mungkin diperlukan sekiranya platform utama tidak menyahut seruan kerajaan supaya membuka pejabat di Republik Indonesia bagi memudahkan komunikasi.

"Kami telah menyatakan harapan agar platform utama, khususnya yang berskala besar, membuka pejabat di Indonesia bagi memudahkan komunikasi.

"Namun, jika mereka tidak berbuat demikian, kami mungkin perlu meminda dan menambah peraturan bagi memastikan platform, khususnya yang besar dengan skala yang masih dalam kajian, diwajibkan menubuhkan pejabat perwakilan di Indonesia," kata beliau pada sidang media di sini pada Isnin mengenai penilaian enam bulan kerajaan terhadap peraturan perlindungan kanak-kanak dalam talian yang dikenali sebagai PP Tunas.

Merujuk kepada platform media sosial X yang masih belum mewujudkan mekanisme berkenaan, beliau berkata keadaan itu menyukarkan penyelarasan, pemantauan dan penilaian terhadap kewajipan platform itu dalam melindungi kanak-kanak.

Beliau berkata X melaporkan telah menyekat 250,000 akaun milik pengguna berusia bawah 16 tahun, berbanding anggaran tujuh juta akaun kanak-kanak di platform itu, menyebabkan kerajaan menilai bahawa usaha berkenaan masih belum mencerminkan semangat perlindungan kanak-kanak di Republik Indonesia.

Penilaian kementerian itu meliputi lapan platform yang pada awalnya diklasifikasikan sebagai perkhidmatan berisiko tinggi iaitu YouTube, TikTok, Facebook, Instagram, Threads, X, Bigo Live dan Roblox, dengan kira-kira 28 juta akaun kanak-kanak Republik Indonesia menerima perlindungan daripada pelbagai risiko digital sepanjang tempoh enam bulan itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Penyeliaan Ruang Digital kementerian Alexander Sabar berkata peraturan sedia ada tidak secara khusus mewajibkan platform digital mempunyai pejabat di Republik Indonesia.

Beliau berkata kementerian sedang mengkaji peraturan pelaksanaan di bawah Undang-Undang Maklumat dan Transaksi Elektronik (ITE) berkaitan kewujudan pejabat perwakilan di negara itu. - ©BERNAMA

## Parlimen Libya lulus perjanjian, beri laluan pilihan raya Presiden, Parlimen

**ISTANBUL**, 15 Sept. - Dewan Perwakilan Libya pada Isnin sebulat suara meluluskan perjanjian muktamad yang dicapai Jawatankuasa Dialog Kecil 4+4 yang bertujuan memberi laluan kepada pilihan raya presiden dan Parlimen, menurut satu kenyataan Parlimen.

Jurucakap Dewan Perwakilan Abdullah Bliheg berkata ahli Parlimen sebulat suara mengundi untuk menerima pakai perjanjian itu dalam satu sesi di bandar Benghazi, timur Libya, lapor Anadolu Ajansi.

Perjanjian itu memperuntukkan penstrukturan semula lembaga Suruhanjaya Tinggi Pilihan Raya Kebangsaan Libya, menangani isu yang dipertikaikan berkaitan kerangka perundangan bagi pilihan raya presiden dan Parlimen serta mengadakan pengundian di bawah satu pihak berkuasa eksekutif dan institusi kebangsaan yang disatukan dalam tempoh maksimum 24 bulan.

Jawatankuasa 4+4 menandatangani perjanjian muktamad itu pada 30 Ogos dalam satu majlis rasmi di ibu pejabat Misi Sokongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Libya (UNSMIL) di ibu negara Tripoli.

Jawatankuasa itu terdiri daripada empat anggota yang mewakili Kerajaan Perpaduan Nasional yang berpangkalan di Tripoli dan empat lagi mewakili pihak berkuasa Libya di timur. Jawatankuasa itu telah mengadakan rundingan tajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertujuan merungkai kebuntuan politik Libya dan memajukan hala tuju ke arah pilihan raya serta pihak berkuasa eksekutif yang disatukan.

Pada 3 September, UNSMIL memaklumkan bahawa pihaknya secara rasmi telah mengemukakan perjanjian itu kepada Dewan Perwakilan dan Majlis Tinggi Negara, dengan memberi kedua-dua badan berkenaan tempoh sebulan dari tarikh perjanjian itu ditandatangani untuk meluluskannya.

Libya kekal berpecah dari segi politik antara Kerajaan Perpaduan Nasional yang berpangkalan di Tripoli pimpinan Perdana Menteri Abdul Hamid Dbeibeh dengan kerajaan di timur yang dilantik Dewan Perwakilan dan diketuai Perdana Menteri Osama Hammad.

Rakyat Libya berharap pilihan raya yang telah lama dinanti-nantikan itu akan menamatkan konflik politik dan bersenjata serta mengakhiri siri tempoh peralihan yang berlarutan sejak penggulingan rejim Muammar Gaddafi, yang memerintah Libya dari 1969 hingga 2011. - ©BERNAMA

# ERATKAN HUBUNGAN KOMUNITI, GALAKKAN GAYA HIDUP AKTIF



YANG Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigedier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Ahmad hadir di acara tersebut selaku tetamu kehormat. Pertandingan tersebut menyaksikan Samuel Revales dinobatkan sebagai juara, diikuti naib juara pertama oleh Sheikh Haji Said bin Sheikh Haji Yahya, manakala Awang Rahim Munggu dan Awang Sabtu Haji Yahya berkongsi kedudukan naib juara kedua.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jaitra Solutions**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 September. - Pertandingan Persahabatan Ping Pong Veteran 2026 berjaya diadakan baru-baru ini di Dewan Al-'Afiah, dan menghimpunkan seramai 14 pemain veteran, termasuk dua peserta wanita dalam satu sambutan yang menggabungkan sukan, persahabatan dan gaya hidup sihat.

Acara berkenaan dianjurkan oleh Jaitra Solutions, dengan kerjasama YNot Solutions dan Kelab Ping Pong Pengiran Muhammad Noor (PMNTT), serta sokongan dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan InsCare Agency.

Acara tersebut turut disokong oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Berangkat ke pertandingan berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigedier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Ahmad selaku tetamu kehormat majlis.

Pada pertandingan berkenaan, Samuel Revales dinobatkan sebagai juara, diikuti naib juara pertama oleh Sheikh Haji Said bin Sheikh Haji Yahya, manakala Awang Rahim Munggu dan Awang Sabtu Haji Yahya berkongsi kedudukan naib juara kedua.

Sementara, Pengiran Yusop Pengiran Haji Zidi diumumkan sebagai Pemain Paling Menghiburkan.

Lebih daripada sekadar pertandingan, acara berkenaan menekankan peranan penting ping pong dalam mempromosi penuaan aktif dan sihat. Sukan berkenaan menggalakkan pergerakan fizikal, koordinasi tangan dan mata, keseimbangan, tumpuan dan ketajaman mental, di samping mewujudkan peluang untuk persahabatan dan interaksi sosial.

Pihak penganjur merakamkan penghargaan kepada Pengarah Kejohanan, Mark Lim, atas sumbangan beliau yang berharga dalam memastikan perlawanan berjalan dengan lancar serta ucapan terima kasih kepada InsCare Agency kerana menaja sarapan dan minum petang, yang disediakan oleh Alya Kitchen, yang menyumbang kepada keselesaan dan keseronokan semua peserta dan pegawai sepanjang acara berlangsung.

Pihak penganjur berharap acara berkenaan dapat memberi inspirasi kepada lebih ramai anggota komuniti, terutamanya veteran dan warga emas untuk kekal aktif, berhubung dan terlibat melalui sukan.

Ping pong bukan sekadar permainan, ia adalah cara untuk terus bergerak, mengekalkan minda yang aktif dan memastikan komuniti terus terhubung.

## Kontinjen NBD berlepas sertai Sukan Asia Ke-20

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyampaikan ucapan nasihat dan kata-kata motivasi kepada kontinjen negara yang berlepas ke Aichi-Nagoya, Jepun bagi menyertai Sukan Asia Ke-20 Tahun 2026.

**BERAKAS,** Selasa, 15 September. - Seramai 11 ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada seorang atlet Karate, lima atlet Wushu dan lima pegawai kontinjen, hari ini berlepas ke Aichi-Nagoya, Jepun bagi menyertai Sukan Asia Ke-20 Tahun 2026, yang akan diadakan di Wilayah Aichi, Nagoya, Jepun.

Daripada jumlah berkenaan, lima pegawai kontinjen merangkumi Chef de Mission (CDM), Pegawai Perubatan dan jurulatih yang akan memastikan kebajikan, persiapan serta kelancaran penyertaan para atlet sepanjang temasya berlangsung.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyampaikan ucapan nasihat dan kata-kata motivasi kepada kontinjen negara, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Awang Aliuddin mengucapkan selamat maju jaya kepada kontinjen serta menekankan untuk sentiasa menjaga disiplin dan menjadi kebanggaan buat negara.

Selain itu tambahnya lagi, kepada CDM dan para jurulatih untuk sama-sama menjaga keselamatan dan kesejahteraan para atlet sepanjang temasya sukan berkenaan berlangsung.

Turut hadir, Setiausaha Pertama (First Secretary), Puan Saito Keiko, selaku wakil dari Kedutaan Jepun di NBD; pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Belia dan Sukan; wakil Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF) dan Persekutuan Wushu NBD; serta ahli keluarga para atlet.

Sebelum memasuki ruang pelepasan, Doa Selamat dibacakan bagi memohon keselamatan kontinjen dan seterusnya sesi bergambar ramai.

Atlet Karate negara dijadualkan memulakan saingan pada 20 September 2026 dalam acara Men's Kumite - 55 kilogram (kg) yang akan berlangsung di Toyohashi Gymnasium.

Pada tarikh yang sama, lima atlet Wushu negara turut membuka tirai saingan di Aichi Prefectural Martial Arts Hall, masing-masing dalam acara Nanquan, Nangun, Taijiquan, Taijijian dan Changquan.

Penyertaan kontinjen kecil berkenaan mencerminkan komitmen negara dalam terus mengangkat nama NBD di persada Sukan Asia, di samping memberi ruang kepada atlet negara untuk menguji kemampuan dan mengukir pengalaman di pentas pertandingan berprestij antarabangsa.

Semoga seluruh kontinjen negara diberikan kekuatan, ketenangan dan prestasi terbaik dalam mengharungi setiap saingan, seterusnya membawa pulang kejayaan serta mengharumkan nama NBD.

# Penyerahan bendera kepada kontinjen NBD ke Sukan Asia Ke-20

>> Muka 24

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**

"Ingatlah, pakaian kontinjen dan bendera di badan *biskita*, adalah lambang kemuliaan, dan imej, NBD. Kibarkan ia dengan penuh megah, megahlah dengan penuh tanggungjawab," sembah Yang Berhormat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah kemudiannya berkenan menguriakan sabda dan seterusnya menyempurnakan penyerahan Bendera NBD kepada Dayang Nur Iffah Natasha Sofea binti Abdullah selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Asia Ke-20, Aichi-Nagoya, Japan 2026.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir, diikuti dengan sesi bergambar ramai bersama Duli Yang Teramat Mulia.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Chargé d'Affaires ad interim, Miura Keiko, wakil Kedutaan Jepun di NBD; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Timbalan Setiausaha Tetap, KKBS, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; wakil-wakil Persatuan Sukan Kebangsaan dan pegawai-pegawai kanan KKBS serta keluarga atlet.

Sukan Asia merupakan temasya sukan peringkat benua dalam kalangan atlet dari seluruh Asia yang diadakan setiap empat tahun sekali. Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Olympic Council of Asia (OCA) dan ia digambarkan sebagai temasya sukan kedua terbesar selepas Sukan Olimpik dan pada tahun ini ia diadakan di Wilayah Aichi, Nagoya, Jepun bermula pada 19 September hingga 4 Oktober 2026.

NBD mula mengikuti Sukan Asia pada tahun 1990. Kali terakhir negara menyertai kejohanan tersebut ialah pada tahun 2022 yang diadakan di Hangzhou, Republik Rakyat China. Kontinjen negara dijangka bertolak ke Nagoya, Jepun pada 15 September 2026.

# DPMM FC catat kemenangan 2 - 1

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Tangkap Layar RTBGo**

**KOTA KINABALU**, Isnin, 14 September. - DPMM FC berjaya mencatatkan kemenangan 2 - 1 ke atas Sabah FC dalam aksi Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 yang berlangsung di Stadium Likas, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Dalam perlawanan tersebut, DPMM FC berjaya mengatur beberapa serangan ke arah gawang Sabah FC dan hasilnya, pasukan berkenaan membawa tirai jaringan pada minit ke-12 menerusi Ebenezer Abban.

DPMM FC kemudiannya terus mengawal permainan dengan melakukan beberapa serangan berbahaya. Walau bagaimanapun, Sabah FC berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-25 menerusi Gonzalo Di Renzo.

Memasuki babak kedua, DPMM FC tampil lebih agresif dengan melancarkan beberapa serangan ke arah pertahanan Sabah FC.

Usaha tersebut akhirnya membuahkan hasil apabila Jordan Murray berjaya menjaringkan gol kedua DPMM FC pada minit ke-65, sekali gus meletakkan pasukan berkenaan di hadapan dengan keputusan 2 - 1. Kedudukan tersebut kekal sehingga wisel penamat dibunyikan oleh pengadil, sekali gus mengesahkan kemenangan DPMM FC dengan keputusan 2 - 1.



ANTARA aksi perlawanan DPMM FC menentang Sabah FC dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 baru-baru ini yang menyaksikan DPMM FC meraih kemenangan 2-1.




ePaper Pelita Brunei

# KEKAL FOKUS, JAGA DISIPLIN, KEBAJIKAN

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BERAKAS**, Isnin, 14 September. - Para atlet yang akan mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Ke-20 di Aichi - Nagoya, Jepun, diingatkan supaya sentiasa menumpukan perhatian, dan memberikan fokus sepenuhnya sepanjang pertandingan.

Di samping itu, para atlet dan pegawai-pegawai yang terlibat juga diingatkan untuk sentiasa menjaga disiplin, serta mematuhi dan menghormati, apa jua peraturan dan garis pandu, yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Demikian sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen NBD ke Sukan Asia Ke-20 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah turut mengingatkan para atlet agar tidak membiarkan perbezaan suasana penginapan atau perkara-perkara di luar gelanggang menjadi gangguan atau batu penghalang kepada usaha untuk memberikan persembahan dan prestasi yang terbaik.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda mengambil maklum, di mana penginapan bagi pasukan Wushu semasa di Sukan Asia nanti ialah di Kapal Persiaran ataupun Cruise Ship bersama dengan atlet-atlet dari negara-negara lain.

"Sememangnya, suasana dan *atmosphere* penginapan di atas kapal persiaran, adalah sesuatu yang berbeza jika dibandingkan dengan penginapan di hotel," sabda DYTM.

Sehubungan itu, DYTM bersabda menyeru para atlet supaya berjuang dengan penuh kesungguhan dan semangat kesukanan demi mengharumkan nama NBD di Sukan Asia Ke-20, kerana Sukan Asia adalah sukan terbesar di benua Asia anjuran Olympic Council of Asia (OCA).

DYTM dalam sabda turut menekankan, para atlet juga hendaklah sentiasa menjauhkan diri daripada semua bahan terlarang dan mematuhi segala akta peraturan serta ketetapan berkaitan *anti-doping*, yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA).

Selain itu, DYTM juga menekankan kepentingan aspek Safeguarding Athlete kepada semua pegawai dan jurulatih kontinjen.

Menurut DYTM, kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan atlet-atlet hendaklah sentiasa menjadi keutamaan di sepanjang penyertaan di Sukan Asia Ke-20.

"Perkara ini adalah merupakan antara, aspek yang amat dititik-beratkan oleh Majlis Olimpik Kebangsaan NBD, yang selaras dengan matlamat Olympic Council of Asia, bagi memastikan para atlet, dapat menjalani pertandingan dalam suasana yang selamat, sihat dan kondusif," sabda DYTM.

Dalam sabda, DYTM juga menyifatkan penyertaan seorang atlet wanita dalam kontinjen negara kali ini sebagai amat signifikan kerana ia mencerminkan komitmen berterusan negara dalam mempromosikan penyertaan wanita dalam bidang sukan secara inklusif, di samping memperkukuhkan usaha ke arah pemerkasaan wanita dalam bidang sukan pada masa akan datang.

Terdahulu dalam sabda DYTM merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan NBD bagi menghantar kontinjen negara ke temasya berkenaan.

Kontinjen NBD akan menyertai dua acara sukan, iaitu Karate yang diwakili seorang atlet lelaki dan Wushu yang disertai lima atlet, terdiri daripada seorang atlet wanita dan empat atlet lelaki.

Kontinjen berkenaan turut disertai seorang pegawai urus setia, seorang ahli fisioterapi, tiga jurulatih dan seorang Chef de Mission.

DYTM bersabda menzahirkan ucapan tahniah kepada atlet-atlet yang terpilih untuk mewakili negara serta berharap agar mereka dapat memanfaatkan kesempatan dan kepercayaan yang diberikan dengan sebaik-baiknya.

"Berikanlah saingan yang terbaik kepada setiap lawan, di samping memegang amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi serta komitmen," sabda DYTM.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen NBD ke Sukan Asia Ke-20.**

Pada mengakhiri sabda, DYTM turut merakamkan ucapan terima kasih kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta ibu bapa yang terlibat kerana sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan komitmen berterusan kepada atlet-atlet yang akan menyertai Sukan Asia Ke-20 di Aichi - Nagoya, Jepun.

"Akhirnya, saya berdoa semoga kontinjen negara yang terdiri daripada atlet-atlet, jurulatih dan pegawai, akan sentiasa sihat walafiat dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin," sabda DYTM.

# Penyerahan bendera kepada kontinjen NBD ke Sukan Asia Ke-20




**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penyerahan bendera kepada Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Asia Ke-20, Aichi-Nagoya, Jepun 2026.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BERAKAS**, Isnin, 14 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menghantar seramai 12 ahli kontinjen, yang terdiri daripada enam atlet dan enam pegawai bagi temasya Sukan Asia Ke-20 Tahun 2026, yang akan diadakan di Wilayah Aichi, Nagoya, Jepun.

Enam atlet tersebut, iaitu lima atlet lelaki dan seorang atlet wanita akan bersaing dalam dua acara sukan iaitu Karate dan Wushu. Sementara itu, barisan pegawai kontinjen terdiri daripada seorang Chef de Mission (CDM), seorang ketua urus setia, seorang pegawai perubatan dan tiga orang jurulatih.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen NBD ke Sukan Asia Ke-20, Aichi-Nagoya, Jepun 2026 berlangsung di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyempurnakan majlis ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC).

Dalam sembah alu-aluannya, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha mengingatkan seluruh kontinjen negara, bahawa penyertaan ke Sukan Asia Ke-20 merupakan satu amanah dan penghormatan.

"*Biskita* bukan sahaja hadir sebagai atlet, jurulatih atau pegawai, tetapi hadir sebagai satu pasukan yang membawa nama NBD. Justeru, bergeraklah sebagai satu pasukan, saling menyokong dan saling mempercayai. Kejayaan seorang atlet tidak pernah berdiri sendiri.

"Di belakang setiap pencapaian ada jurulatih yang membimbing, pegawai yang menguruskan kebajikan dan persiapan serta keluarga yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan doa," sembah Yang Berhormat.

Sehubungan itu, para jurulatih dan pegawai kontinjen diseru supaya memberikan perhatian sepenuhnya kepada keperluan para atlet sepanjang berada di Jepun.

Para atlet, sembah Yang Berhormat juga hendaklah dipastikan bukan sahaja bersedia dari segi fizikal dan teknikal, tetapi juga mempunyai keyakinan, dan ketahanan diri untuk menghadapi tekanan pertandingan. Dalam pada itu, kebajikan, keselamatan dan kesihatan setiap atlet hendaklah sentiasa menjadi keutamaan.

Kepada para atlet, Yang Berhormat menyeru agar mereka bertanding dengan penuh keyakinan dan keberanian apabila melangkah ke gelanggang, di samping memberikan yang terbaik daripada segala latihan, pengorbanan dan persediaan yang telah dilalui.

"Pamerkanlah mutu prestasi yang tertinggi, kekalkan kecekalan atau azam yang tinggi sehingga ke akhir perlawanan, dan teguhkan tekad menghadapi sebarang rintangan. Jadikan disiplin dan keperibadian mulia sebagai perisai *biskita* sepanjang berada di sana. Jagalah nama baik negara, santuni adat serta peraturan tuan rumah, dan jalinlah semangat persaudaraan bersama atlet antarabangsa.

>> Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HARGAI MASA, GARAP KEJAYAAN DI DUNIA SERTA AKHIRAT